



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI PERAK**

**SIRI 2**





---

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

---

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI PERAK**

**SIRI 2**

**Jabatan Audit Negara  
Malaysia**





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	<b>PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK</b> Pengurusan Perolehan
17	<b>MAJLIS DAERAH LENGGONG</b> <b>MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU</b> Pengurusan Perolehan
28	<b>KPERAK IMPLEMENTATION AND COORDINATION CORPORATION</b> Pengurusan Projek KPerak
43	<b>PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK</b> Ladang Lekir Sdn. Bhd.
65	PENUTUP





---

# KATA PENDAHULUAN

---




---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengaudit yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada penguditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Agensi Kerajaan Negeri Perak dan satu syarikat Kerajaan Negeri Perak. Pemerhatian Audit daripada penguditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2014 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara Malaysia

Putrajaya  
7 Mei 2015



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## 1. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK - Pengurusan Perolehan

**1.1.** Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) ditubuhkan pada tahun 1970 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 1967. Objektif penubuhan PKNP adalah sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri, pemegang amanah bagi pihak Bumiputera dan bertindak sebagai agensi utama di peringkat negeri untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 107 perolehan berjumlah RM9.72 juta dilaksanakan oleh PKNP melalui 3 kaedah perolehan iaitu terdiri daripada 4 tender, 51 sebut harga dan 52 pembelian terus

**1.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan pengurusan perolehan oleh PKNP adalah memuaskan daripada aspek pemilihan kontraktor untuk projek pembinaan dan bekalan iaitu dipilih melalui jawatankuasa tertentu seperti jawatankuasa teknikal dan penilaian, kewangan, sebut harga dan tender. Bagaimanapun, pengurusan perolehan masih boleh dipertingkatkan kerana beberapa kelemahan seperti berikut:

- Projek lewat disiapkan dan kos meningkat.
- Perolehan juruperunding dipecahkecilkan.
- Perolehan kerja-kerja baik pulih bangunan dipecahkecilkan dan tidak dirancang dengan teliti.
- Peralatan makmal tidak digunakan.

**1.3.** Bagi meningkatkan keberkesanan terhadap pengurusan perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak adalah disyorkan mengambil langkah berikut:

**1.3.1.** Memastikan projek siap mengikut jadual supaya tidak berlaku pertambahan kos.

**1.3.2.** Membuat perancangan perolehan dengan lebih teliti untuk mengelakkan perolehan dibuat tidak mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan di samping mengelakkan pembaziran aset yang tidak digunakan.

**2. MAJLIS DAERAH LENGGONG**  
**MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU**  
- Pengurusan Perolehan

**2.1.** Majlis Daerah Lenggong (MDL) dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara tanggungjawab MDL dan MDPH ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam. Di MDL dan MDPH, Jabatan Perbendaharaan adalah bertanggungjawab menguruskan perolehan manakala perancangan, pelaksanaan dan penyenggaraan projek-projek pembangunan digalas oleh Jabatan Kejuruteraan.

**2.2.** Kaedah perolehan yang dilaksanakan di MDL dan MDPH adalah secara perolehan terus, sebut harga dan tender. Sumber kewangan bagi tahun 2011 hingga 2014 bagi MDL dan MDPH diperolehi daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan sumber Majlis sendiri.

**2.3.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di MDL dan MDPH adalah memuaskan daripada aspek pematuhan tatacara perolehan iaitu daripada peringkat jawatankuasa sehingga pemilihan kontraktor. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Perolehan secara tender
  - Perjanjian juruperunding tidak memuaskan dan pembayaran kepada juruperunding tidak mengikut perjanjian.
  - Perabot/Peralatan tidak dibekalkan mengikut kontrak.
- Perolehan secara sebut harga
  - Tempoh tanggungan insurans tidak meliputi tempoh kontrak.
  - Sijil siap kerja tidak dikeluarkan.
  - Projek lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.
  - Penyediaan spesifikasi kerja tidak terperinci.
  - Perolehan kerja tidak mengikut spesifikasi.

**2.4.** Bagi memastikan perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja dapat dilaksanakan dengan teratur dan cekap serta mendapat *value for money*, Majlis Daerah Lenggong dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu adalah disyorkan mematuhi sepenuhnya tatacara perolehan yang berkuat kuasa termasuk menyediakan skop dan spesifikasi kerja yang lengkap supaya pengesahan kerja dapat dibuat dengan sempurna.

### **3. KPERAK IMPLEMENTATION AND COORDINATION CORPORATION**

#### **- Pengurusan Projek KPerak**

**3.1.** KPerak Implementation And Coordination Corporation (KPerak) merupakan sebuah syarikat terhad kepada jaminan Kerajaan Negeri yang ditubuhkan pada 13 November 2006 di bawah Akta Syarikat 1965 dan tiada modal saham berbayar. KPerak mula beroperasi sepenuhnya mulai 1 Mac 2007 di bawah Lembaga Pemegang Amanah yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perak dan 2 orang ahli iaitu YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan YB Pegawai Kewangan Negeri Perak. Peranan utama KPerak adalah sebagai fasilitator kepada Kerajaan Negeri khususnya berkaitan *Information Communication Technology (ICT)* berteraskan industri MIND (*Multimedia, IT Outsourcing, New Media dan Data Centre*) selaras dengan visi menjadikan Negeri Perak sebagai negeri maju dan berpengetahuan sepenuhnya menjelang tahun 2015.

**3.2.** Program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh KPerak sejak tahun 2007 sehingga kini adalah berteraskan kepada inisiatif 5K iaitu K-Ekonomi, K-Masyarakat, K-Infrastruktur, K-Kerajaan dan K-Persekutaran. Mulai tahun 2007 hingga 2014, Kerajaan Negeri Perak telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM58.70 juta kepada KPerak melalui Pejabat Kewangan Negeri (PKN) di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan sejumlah RM55.95 juta di bawah RMKe-10. Peruntukan sebagai geran bagi melaksanakan Pelbagai Program Pembangunan Pengkomputeran ini merupakan pendapatan utama KPerak sejak ditubuhkan.

**3.3.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mac 2015 mendapati KPerak telah melaksanakan pelbagai program dan pembangunan ICT khususnya di bawah inisiatif K-Ekonomi dan K-Masyarakat dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negeri Perak dan memberikan perkhidmatan yang bermanfaat kepada masyarakat. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan dan pelaksanaan projek KPerak seperti berikut:

- Program bantuan pembiayaan kepada usahawan teknologi gagal mencapai matlamat.
- Tiada capaian penggunaan program EzLearn2U oleh kumpulan sasaran.
- Kelemahan dalam pengurusan dan pemantauan program KPerak media channel.

**3.4.** Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan, pengurusan KPerak dan Pejabat Kewangan Negeri adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

**3.4.1.** Membuat kajian terperinci bagi pelaksanaan sesuatu projek atau program supaya berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan.

**3.4.2.** Menyediakan *Standard Operating Procedures (SOP)* berkaitan pengurusan kewangan dengan lengkap dan perjanjian kontrak disediakan bagi semua projek yang melibatkan pihak ketiga. Semua pinjaman yang diberikan kepada usahawan teknologi hendaklah dikutip balik dengan kadar segera.

**3.4.3.** Pejabat Kewangan Negeri dan KPerak hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap semua projek dan program yang dilaksanakan melalui geran Kerajaan bagi memastikan setiap projek mendapat *value for money*.

#### **4. PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK**

- **Ladang Lekir Sdn. Bhd.**

**4.1.** Ladang Lekir Sdn. Bhd. (LLSB) telah ditubuhkan pada 20 Ogos 1976 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965. Sehingga Disember 2014, modal dibenarkan LLSB ialah RM25 juta dan modal berbayar ialah RM22.28 juta. Ladang Lekir Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang dimiliki 100% oleh Perak Agro Oil Palm Sdn. Bhd. (PAOPSB) di mana PAOPSB merupakan sebuah syarikat subsidiari kepada Perak Agro Corporation Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP). Ladang Lekir Sdn. Bhd. ditubuhkan dengan tujuan menjadi penggerak utama pertumbuhan industri pertanian negeri Perak terutamanya dalam bidang perladangan kelapa sawit.

**4.2.** Syarikat LLSB memiliki 2 buah ladang kelapa sawit iaitu Ladang Sungai Selinsing (LSS) di Tapah dengan keluasan 626.8 hektar dan Ladang Gelong Gajah (LGG) di Beruas dengan keluasan 845.7 hektar. Selain itu, Ladang Lekir Sdn. Bhd. ada membuat pelaburan dalam bidang perladangan kelapa sawit di Palembang, Indonesia melalui anak syarikatnya iaitu PT. Pinang Witmas Sejati (PTPWS). Sehingga Disember 2014, Ladang Lekir Sdn. Bhd. mempunyai pegangan saham sebanyak 60% dalam PTPWS.

**4.3.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2015 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan bagi tahun 2011 hingga 2013 LLSB adalah baik. Bagaimanapun, bagi tempoh tersebut LLSB telah mencatatkan penurunan keuntungan bersih pada setiap tahun iaitu RM34.01 juta pada tahun 2011, RM21.32 juta pada tahun 2012 dan RM10.47 juta pada tahun 2013. Keuntungan terkumpul LLSB pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM111.54 juta. Berdasarkan nisbah-nisbah yang dianalisis, kedudukan aset dan liabiliti LLSB adalah baik di mana LLSB mampu menyelesaikan hutang jangka pendeknya dan LLSB juga berkemampuan untuk memberi pulangan kepada pemegang sahamnya. Manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan seperti dalam perenggan-perenggan berikut.

- Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) tidak mencapai sasaran ditetapkan dan di bawah purata negara.
- Seluas 110 daripada 296 hektar atau 37.2% kawasan Fasa III Tahun 2013 di LSS masih belum bertanam.
- Kerja-kerja membaja dan meracun lewat dijalankan.

**4.4.** Bagi memastikan objektif penubuhan Ladang Lekir Sdn. Bhd. dapat dicapai sepenuhnya adalah disyorkan pihak pengurusan mempertimbangkan perkara berikut:

**4.4.1.** Memastikan program tanaman semula pokok kelapa sawit di LSS disiapkan mengikut jadual supaya sasaran pengeluaran ditetapkan dapat dicapai.

**4.4.2.** Memastikan kerja-kerja membaja dan meracun mengikut jadual yang disyorkan dan ditetapkan untuk mengelakkan pengeluaran BTS terjejas.





---

AKTIVITI  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI

---



---

# **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

---

## **1. PENGURUSAN PEROLEHAN**

### **1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) ditubuhkan pada tahun 1970 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 1967. Objektif penubuhan PKNP adalah sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri, pemegang amanah bagi pihak Bumiputera dan bertindak sebagai agensi utama di peringkat negeri untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.

**1.1.2.** Bagi tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 107 perolehan berjumlah RM9.72 juta dilaksanakan oleh PKNP melalui 3 kaedah perolehan iaitu terdiri daripada 4 tender, 51 sebut harga dan 52 pembelian terus seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Bilangan Dan Jumlah Kos Mengikut Pecahan Jenis Perolehan PKNP**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Jenis Perolehan	2012		2013		2014		Jumlah (RM Juta)
	Bil.	Kos (RM Juta)	Bil.	Kos (RM Juta)	Bil.	Kos (RM Juta)	
Tender	2	2.10	0	0	2	4.28	6.38
Sebut harga	22	1.57	10	0.47	19	1.09	3.13
Pembelian Terus	7	0.03	18	0.09	27	0.09	0.21
<b>Jumlah</b>	<b>31</b>	<b>3.70</b>	<b>28</b>	<b>0.56</b>	<b>48</b>	<b>5.46</b>	<b>9.72</b>

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

### **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan PKNP telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan perolehan dari tahun 2012 hingga 2014. Pemilihan sampel adalah sekurang-kurangnya 10% daripada setiap jenis perolehan meliputi tender, sebut harga dan pembelian terus yang dilaksanakan oleh PKNP. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan perolehan. *Exit Conference* bersama Ketua Eksekutif dan beberapa orang pegawai PKNP telah diadakan pada 12 Januari 2015 yang turut dihadiri oleh wakil Pegawai Kewangan Negeri serta wakil Unit Audit Dalam Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Temu bual dan perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan perolehan. Pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap sampel yang dipilih.

## **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan pengurusan perolehan oleh PKNP adalah memuaskan daripada aspek pemilihan kontraktor untuk projek pembinaan dan bekalan iaitu dipilih melalui jawatankuasa tertentu seperti jawatankuasa teknikal dan penilaian, kewangan, sebut harga dan tender. Bagaimanapun, beberapa kelemahan berikut ditemui:

- Projek lewat disiapkan dan kos meningkat.
- Perolehan juruperunding dipecahkecilkkan.
- Perolehan kerja-kerja baik pulih bangunan dipecahkecilkkan dan tidak dirancang dengan teliti.
- Peralatan makmal tidak digunakan.

### **1.4.1. Prestasi Projek Dan Pembekal**

#### **1.4.1.1. Pemilihan Kontraktor Dan Pembekal**

Bagi tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 4 kontraktor dilantik oleh PKNP melalui kaedah tender untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan seperti projek pembinaan rumah kelab, kedai rakyat, gerai dan pasar basah di daerah Kinta, Selama dan Manjung. Kos keseluruhan projek berjumlah RM6.38 juta. Selain itu, bagi tempoh yang sama, pihak PKNP juga membuat perolehan bekalan, kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan melalui kaedah sebut harga dan pembelian terus yang melibatkan kos berjumlah RM3.33 juta. Bagi tujuan tersebut sebanyak 70 kontraktor telah dilantik. Antara perolehan yang dibuat ialah kerja-kerja pembaikan loji kumbahan, kerja-kerja penyenggaraan bangunan dan lif, pembelian peralatan dan kelengkapan serta perkhidmatan kawalan keselamatan dan pembersihan. Daripada 107 fail merangkumi tender, sebut harga dan pembelian terus, sebanyak 71 fail telah dipilih untuk semakan Audit dan hasil semakan terhadap 71 fail berkenaan mendapati proses pemilihan kontraktor adalah mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

#### **1.4.1.2. Prestasi Penyiapan Projek Pembinaan**

Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 4 perolehan projek melalui tender yang melibatkan kos berjumlah RM6.38 juta dilaksanakan oleh PKNP. Semakan Audit terhadap 4 projek pembinaan mendapati perkara seperti berikut:

- a. Daripada 4 projek berkenaan didapati 2 projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal kontrak. Bagaimanapun, kedua-dua projek hanya dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan antara 270 hingga 303 hari. Manakala 2 lagi projek adalah masih dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2015. Maklumat prestasi pelaksanaan bagi 4 projek berkenaan adalah seperti di **Jadual 1.2.**

- b. Semakan selanjutnya mendapati Projek Pembinaan Rumah Kelab di Taman Meru IIB, Jelapang, Ipoh lewat disiapkan selama 270 hari daripada jadual asal dan memperolehi 2 kali lanjutan masa. Kos projek ini meningkat daripada RM1.17 juta kepada RM1.99 juta iaitu peningkatan sebanyak 70% daripada kos asal projek. Setakat bulan Oktober 2014, Sijil Perakuan Siap Kerja masih belum dikeluarkan dan bangunan rumah kelab tersebut juga belum diserahkan kepada PKNP. Pihak Audit dimaklumkan, kelewatan adalah disebabkan pindaan terhadap reka bentuk bumbung, penangguhan kerja struktur bumbung dan kerja-kerja dalaman bangunan serta menunggu kelulusan Ketua Eksekutif PKNP terhadap permohonan arahan perubahan kerja yang dilakukan. Manakala Projek Pembinaan 2 Unit Kedai Rakyat di Kg. Tengku Hussein, Manjoi, Ipoh dengan kos RM111,120 juga lewat disiapkan selama 303 hari daripada jadual asal dan memperolehi 2 kali lanjutan masa. Berdasarkan rekod, kelewatan adalah disebabkan oleh faktor cuaca, juruperunding lewat menyerahkan lukisan terperinci *groundbeam* serta pelan pengesahan sempadan longkang kepada kontraktor. Ini menyebabkan pihak kontraktor tidak dapat melaksanakan kerja. Dua projek yang lewat disiapkan adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Status Projek Pembinaan PKNP**

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tarikh Projek			Kelewatan Berbanding Tarikh Siap Asal (Hari)	Status Projek
			Mula	Siap Asal	Siap Sebenar		
1.	Pembinaan Rumah Kelab Berserta Kemudahan Sukan Di atas Lot No. PT. 166229 Taman Meru IIB, Jelapang, Ipoh.	1.99	8.11.2012	15.8.2013	31.5.2014	270	Dalam proses penyerahan kepada PKNP dan pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja.
2.	Pembinaan 2 Unit Kedai Rakyat Di Atas Tanah Kerajaan, Kg. Tengku Hussein, Manjoi, Ipoh Mukim Ulu Kinta.	0.11	2.5.2012	1.11.2012	31.8.2013	303	2 unit siap dibina masih belum dijual.
3.	Membina Dan Menyiapkan 4 Unit Kedai Rakyat, 4 Unit Gerai, 6 Lot Tapak Pasar Basah Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Atas Lot 3062, 4556 dan 4559 Mukim Selama, Daerah Selama.	1.99	15.4.2014	14.4.2015	-	-	Dalam proses pembinaan.
4.	Membina Dan Menyiapkan 6 Unit Kedai Rakyat, 5 Unit Gerai Rakyat Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Atas Lot 6226 Mukim Lekir, Daerah Manjung.	2.29	9.6.2014	8.6.2015	-	-	Dalam proses pembinaan.
<b>Jumlah</b>		<b>6.38</b>					

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak



**Gambar 1.1**  
**Projek Pembinaan Rumah Kelab Lewat Disiapkan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Kelab, Taman Meru IIB, Jelapang, Ipoh  
Tarikh: 13 Oktober 2014

- c. Mengikut cadangan asal, Projek Pembinaan Kedai Rakyat Di Kg. Tengku Hussein, Manjoi, Ipoh adalah sebanyak 13 unit. Sebelas daripada 13 unit telah disiapkan dengan kos berjumlah RM611,160 dan memperolehi Sijil Layak Menduduki pada 22 April 2011. Manakala pembinaan terhadap baki 2 unit dilaksanakan setelah mendapat arahan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Syarikat Majuperak Bio Resources Sdn. Bhd. adalah kontraktor utama pembinaan bagi 11 unit yang terdahulu. Pada 15 Mei 2012, kerja pembinaan 2 lagi unit diserahkan secara pemberian terus kepada anak syarikat Majuperak Bio Resources Sdn. Bhd. iaitu Syarikat Jua Juara Sdn. Bhd. dengan kos pembinaan setiap unit sejumlah RM55,560 iaitu berjumlah RM111,120. Dua unit Kedai Rakyat tersebut adalah seperti di **Gambar 1.2**.

**Gambar 1.2**  
**Dua Unit Kedai Rakyat Lewat Disiapkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kedai Rakyat, Kg. Tengku Hussein, Manjoi, Ipoh  
Tarikh: 9 Oktober 2014

- d. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak meletakkan harga jualan bagi baki 2 unit pada harga RM0.18 juta. Apabila dijual, ia mampu memberi keuntungan sejumlah RM66,700 kepada PKNP. Sehingga tarikh lawatan Audit pada 9 Oktober 2014, kedua-dua unit kedai masih belum dijual walaupun pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai PKNP tempahan telah diterima daripada 2 pembeli terhadap 2 unit kedai tersebut. Sehingga kini, 2 pembeli berkenaan sedang menunggu kelulusan pinjaman daripada bank.

e. Mengikut maklum balas daripada PKNP bertarikh 8 Januari 2015:

- i. Projek Rumah Kelab di Taman Meru IIB, Jelapang, Ipoh lewat disiapkan kerana pelaksanaan kerja menaik taraf bumbung dan juga bahagian dalaman yang bersesuaian dengan aktiviti kesukanan dan rekreasi yang akan diadakan di Rumah Kelab. Pengubahsuaian juga mengambil kira program Transformasi PKNP dari segi imej, hala tuju dan juga kebajikan modal insan. Kelewatan yang berlaku adalah sesuatu yang telah dijangkakan dan telah diambil kira sebelum pelaksanaan dibuat. Bangunan ini telah mendapat Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 19 Disember 2014.
- ii. Cadangan asal bagi pembangunan kedai rakyat di Kg. Tengku Hussein, Manjoi, Ipoh adalah sebanyak 13 unit. Sebelas unit kedai rakyat ini telah disiapkan dan telah memperolehi Sijil Layak Menduduki pada 23 April 2011. Bagaimanapun, 2 unit lagi telah ditangguh pembinaannya kerana mendapat bantahan daripada pihak Ahli Jawatankuasa Masjid Al-Ittihadiah Kampong Tengku Hussein, Manjoi, Ipoh yang mana mereka mengatakan bahawa 2 lot berkenaan adalah di bawah rizab masjid. Namun demikian, pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Pejabat Daerah dan Tanah Kinta telah mengarahkan pihak PKNP untuk meneruskan pembangunan 2 unit kedai tersebut. Disebabkan kelewatan mendapat kata putus berhubung status 2 unit lot berkenaan, maka pihak PKNP telah menyiapkan terlebih dahulu 11 unit kedai rakyat. Tawaran kontrak untuk menyiapkan 2 unit kedai rakyat telah dibuat pada 23 April 2012 dan telah siap sepenuhnya pada bulan Mei tahun 2014. Harga 1 unit ialah sebanyak RM89,000. Pengeluaran Sijil Layak Menduduki untuk 2 unit kedai tersebut masih dalam proses.

#### 1.4.1.3. Kualiti Kerja

Daripada 4 projek pembinaan yang dilaksanakan oleh PKNP bagi tempoh 2012 hingga 2014, 2 projek telah dipilih untuk semakan Audit. Dua projek berkenaan adalah projek pembinaan Rumah Kelab di Taman Meru IIB, Jelapang, Ipoh dan pembinaan 2 unit Kedai Rakyat di Kg. Tengku Hussein, Manjoi, Ipoh. Pemeriksaan Audit mendapati kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor terhadap pembinaan rumah kelab dan pembinaan 2 unit kedai rakyat adalah memuaskan kecuali terdapat mendapan dan retakan kecil di sisi atau tepi bangunan kedai rakyat seperti di **Gambar 1.3**.

**Gambar 1.3**  
**Retakan Di Tepi Bangunan Kedai Rakyat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kedai Rakyat, Kg. Tengku Hussein,  
Manjoi, Ipoh  
Tarikh: 9 Oktober 2014

**1.4.1.4. Mengikut maklum balas daripada PKNP bertarikh 8 Januari 2015, 2 unit rumah kedai tersebut telah disiapkan pada 31 Ogos 2013. Tempoh tanggungan kecacatan berakhir pada 31 Ogos 2014. Keretakan dan pemendapan yang berlaku adalah selepas tempoh tanggungan kecacatan dan bukannya berlaku semasa pemeriksaan bersama diadakan sebelum Sijil Siap Kerja dikeluarkan.**

Pada pendapat Audit, kelewatan projek dan peningkatan ketara kos projek dapat dielakkan sekiranya perubahan skop kerja terhadap pembinaan rumah kelab tidak dibuat selepas tender dikeluarkan.

#### **1.4.2. Perolehan Juruperunding**

**1.4.2.1.** Bagi tahun 2012 hingga 2014, PKNP telah mendapatkan khidmat daripada 6 juruperunding untuk perkhidmatan teknikal dan bukan teknikal dengan melibatkan kos berjumlah RM0.99 juta. Mengikut perenggan 8, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2011, penentuan kaedah perolehan perkhidmatan perunding bergantung kepada nilai kos projek, kos kajian atau kos kerja ukur yang akan dilaksanakan yang mana bagi had nilai melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender. Perenggan 9 dalam surat pekeliling yang sama juga menyatakan Agensi adalah dilarang memecah kecilkan nilai projek pembangunan fizikal/kajian untuk mengelak daripada melaksanakan kaedah pelawaan yang lebih kompetitif/telus/terbuka. Semakan Audit mendapati perolehan terhadap 5 juruperunding bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah melalui kaedah sebut harga. Bagaimanapun, perolehan terhadap satu juruperunding iaitu Syarikat Signature Trend Sdn. Bhd. dengan kos berjumlah RM0.86 juta untuk perkhidmatan juruperunding mulai dari tahun 2012 hingga tamat pada tahun 2015 bagi melakukan 3 kerja telah dibuat secara sebut harga. Didapati 2 daripada 3 kerja tersebut sepatutnya dibuat melalui kaedah tender kerana jumlah kos keseluruhan adalah RM567,000. Butiran perolehan adalah seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Kos Dan Jenis Perkhidmatan Juruperunding Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Tempoh	Perihal Perkhidmatan	Kos Perkhidmatan (RM)
2013	1 Februari 2013 hingga 7 Mac 2014	Memberi Khidmat Sebagai Perunding Profesional Bagi Program Transformasi Agenda PKNP.	324,000
2014	10 Mac 2014 hingga 9 Januari 2015	Memberi Khidmat Sebagai Perunding Profesional Bagi Program Transformasi Agenda PKNP.	243,000
<b>Jumlah</b>			<b>567,000</b>

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

**1.4.2.2. Mengikut maklum balas daripada PKNP bertarikh 14 Mei 2015, kedua-dua pelantikan mempunyai objektif yang berbeza. Pelantikan untuk tahun 2013 adalah untuk melaksanakan proses penstrukturkan semula transformasi Kumpulan PKNP. Manakala pelantikan syarikat yang sama bagi tahun 2014 adalah untuk penyeragaman struktur gaji dan faedah pekerja kumpulan dan pengurusan prestasi individu bagi kumpulan PKNP. Pelantikan tahun 2014 hanya dilaksanakan selepas pelantikan tahun 2013 telah dimuktamadkan dan diluluskan. Ia tidak dirancang terlebih dahulu. Pelantikan tahun 2014 juga berdasarkan keperluan baru.**

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan juruperunding adalah kurang memuaskan dan tidak mematuhi peraturan kewangan kerana telah dipecahkecilkan bagi mengelak pelawaan secara tender. Kedua-dua sebut harga tersebut mempunyai skop kerja yang sama.

#### **1.4.3. Kerja-Kerja Baik Pulih Kompleks Silveritage Galleria, Medan Gopeng, Ipoh**

**1.4.3.1.** Kompleks Silveritage Galleria (KSG) yang terletak di Medan Gopeng, Ipoh siap dibangunkan pada tahun 1996 dengan kos RM17.21 juta bertujuan untuk dijadikan sebagai Pusat Budaya Utama Negeri Perak iaitu pusat pelancongan komersil bagi menonjolkan seni dan tradisi negeri Perak kepada pelancong. Pada tahun 2011, pihak Audit pernah menjalankan kajian terhadap pengurusan bangunan milik PKNP yang mana sampel pengauditan termasuk bangunan KSG. Penemuan Audit mendapati penyenggaraan bangunan kurang memuaskan dan tunggakan sewa yang tinggi berjumlah RM2.70 juta. Ekoran daripada teguran Audit tersebut, pihak PKNP pada tahun 2012 telah melantik Syarikat Majuperak Bio Resources Sdn. Bhd. bagi menjalankan pembaikan dan baik pulih terhadap KSG dengan kos RM249,911. Kerja pembaikan dan baik pulih KSG yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4**  
**Jenis Kerja Serta Kos Pembaikan Dan Baik Pulih KSG Pada Tahun 2012**

Bil.	Perihal Kerja	Kos (RM)
1.	Kerja Membaik pulih Bumbung Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan.	36,500
2.	Kerja-Kerja Selenggaraan Paip Tandas Dan Pemasangan Meter Air Berasingan di Kompleks Silveritage Galleria (KSG).	36,700
3.	Kerja-Kerja Membaik pulih Longkang Dan Memasang Railing Di Tempat Letak Kereta Di Bawah Bangunan KSG.	69,441

Bil.	Perihal Kerja	Kos (RM)
4.	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan/Parkir Yang Rosak Di Ruang Tempat Letak Kereta Di Bawah Bangunan KSG.	54,190
5.	Kerja-Kerja Membaiki Kelengkapan Gerai Makan (Food Court), Surau Tingkat Atas Dan Surau Tingkat Bawah Di Bangunan KSG.	12,120
6.	Baik pulih Kerja-Kerja Elektrik Di Tempat Letak Kereta Bawah Bangunan KSG.	40,960
<b>Jumlah</b>		<b>249,911</b>

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

**1.4.3.2.** Lawatan Audit bersama pegawai PKNP pada 6 November 2014 ke KSG mendapati kompleks tersebut berada dalam keadaan terbiar sejak ditutup pada awal tahun 2013 selepas peniaga dan pengusaha bas ekspres mengosongkan premis di KSG. Selain itu, didapati banyak kerosakan yang telah berlaku seperti kebocoran pada bumbung, kegiatan vandalisme, penutup longkang hilang dan lot-lot kedai yang rosak teruk. Selain itu, adalah didapati aset PKNP seperti pendingin hawa, kerusi, meja bankuet dan sebagainya yang masih boleh digunakan terbiar tidak dipindahkan ke tempat yang lebih selamat seperti di **Gambar 1.4** hingga **Gambar 1.9**.

**Gambar 1.4**  
Air Meresap Ke Siling  
Kerana Bumbung Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritige Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**Gambar 1.5**  
Lot Kedai Rosak Dan Semak  
Ditumbuh Pokok



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritige Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**Gambar 1.6**  
Penutup Longkang Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritige Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**Gambar 1.7**  
Kerosakan Teruk Akibat Vandalsme



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritige Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**Gambar 1.8**  
**Meja Dan Kerusi Yang Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritage Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**Gambar 1.9**  
**Pendingin Hawa Yang Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritage Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**1.4.3.3.** Manakala **Gambar 1.10** hingga **Gambar 1.13** menunjukkan antara kerja-kerja dan lokasi pembaikan kerosakan dan baik pulih yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik pada tahun 2012, 2013 dan 2014.

**Gambar 1.10**  
**Senggaraan Paip Tandas Dan**  
**Pemasangan Meter Air**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritage Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**Gambar 1.11**  
**Membaiki Paip Utama**  
**Yang Bocor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritage Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**Gambar 1.12**  
**Kerja Membaikeh Loji Kumbahan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritage Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**Gambar 1.13**  
**Bumbung Yang Bocor Telah Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Silveritage Galleria,  
Medan Gopeng, Ipoh  
Tarikh: 6 November 2014

**1.4.3.4.** Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor telah sebenarnya dilakukan kerana perbandingan dengan spesifikasi kerja tidak dapat dibuat. Ini adalah kerana salinan skop kerja dan spesifikasi kerja yang terperinci tidak dikemukakan untuk pengauditan. Selain daripada kerja-kerja yang dijalankan secara panggilan sebut harga, pihak PKNP juga menjalankan kerja-kerja segera yang melibatkan kos berjumlah RM57,175 di mana Syarikat Halter Enterprise dan 2 individu kontraktor yang lain dilantik secara terus seperti di **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**  
**Kerja-kerja Segera Di KSG Pada Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Perihal Kerja	Tahun	Kos (RM)
1.	Kerja-Kerja Membaiki Paip Utama Yang Bocor Di Laluan Belakang Kompleks Silveritage Galleria, Medan Gopeng, Ipoh.	2014	4,000
2.	Kerja-Kerja Mengangkat Keluar 2 Unit Submersible Pam Yang Rosak Dan Pemasangan 2 Unit Pam Sementara Di Loji Kumbahan KSG.	2014	5,500
3.	Kerja-Kerja Membaikeh Loji Kumbahan KSG.	2014	2,815
4.	Kerja-Kerja Menukar 2 Unit Submersible Pam baru Di Loji Kumbahan KSG.	2013	17,030
5.	Kerja-Kerja <i>Urgent</i> Membaikeh Paip Utama Dan 3 Paip Pencawang Yang Bocor Di Kawasan Parkir Bas Ekspres Serta Berdekatan Lot 1.01 KSG.	2013	14,000
6.	Membaikeh Kotak Kawalan Utama Dan Membaikeh Submersible Pam Di Loji Kumbahan KSG.	2013	8,480
7.	Kerja-Kerja Pembersihan Lubang Pembentungan KSG.	2012	2,000
8.	Kerja-Kerja Penurapan Dataran KSG Sempena Lawatan Sehari YB Exco Pelancongan Ke KSG.	2012	1,500
9.	Kerja-Kerja Membaikeh Manhole Di Tengah Laluan Belakang berhampiran Dengan Lot 1.01 KSG.	2012	1,850
<b>Jumlah</b>			<b>57,175</b>

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

**1.4.3.5.** Pada tahun 2013, penyewa atau peniaga KSG seramai 101 orang serta 75 syarikat pengusaha bas ekspres telah diarah untuk mengosongkan ruang niaga/gerai makan, tapak bas dan berpindah keluar daripada KSG. Bagaimanapun, pada tahun 2014 PKNP memutuskan untuk menutup sepenuhnya kompleks berkenaan. Mengikut laporan pada 4 April 2014 di laman sesawang [www.peraknews.com](http://www.peraknews.com), Kerajaan Negeri melalui PKNP merancang untuk menaik taraf dan melaksanakan penjenamaan semula KSG. Ia akan menampilkan produk-produk pelancongan istimewa khususnya daripada Negeri Perak termasuk pelbagai barang kraftangan serta makanan yang akan ditonjolkan bagi menarik kunjungan pelancong asing dan tempatan. Syarikat Fian Construction & Trading Sdn. Bhd. dilantik pada awal tahun 2014, untuk memasang *hoarding* atau pagar keliling KSG dengan kos RM158,683. Hasil daripada temu bual dengan pegawai PKNP, kerja-kerja baik pulih keseluruhan kompleks dianggarkan akan memerlukan belanja sejumlah RM12 juta dan mengambil masa selama setahun untuk disiapkan. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan November 2014 dan selepas hampir setahun Kompleks Silveritage Galleria ditutup, PKNP masih di peringkat perbincangan dengan pihak arkitek yang mereka bentuk konsep bangunan dan tender untuk kerja-kerja baik pulih juga masih belum dibuka.

**1.4.3.6. Mengikut maklum balas daripada PKNP bertarikh 14 Mei 2015, pihak PKNP hanya melakukan kerja pembaikan dan senggaraan seperti paip utama, loji kumbahan dan pencawang serta pembentungan bagi mengelak pembaziran dari kebocoran air, menangani faktor keselamatan dan kesihatan untuk kawasan setempat. Oleh itu, pihak PKNP berpendapat kerja-kerja perlu dilaksanakan sama ada Kompleks Silveritage Galleria (KSG) beroperasi atau tidak. KSG ini juga telah ditutup bagi kerja-kerja membaik pulih kompleks tersebut secara keseluruhan yang merupakan transformasi kompleks tersebut. Kerja-kerja transformasi ini bagaimanapun tergендala disebabkan oleh masalah teknikal dan dijangka akan dimulakan pada suku tahun ketiga tahun 2015.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja-kerja baik pulih Kompleks Silveritage Galleria (KSG) kurang memuaskan dan tidak dibuat dengan baik mengakibatkan pembaziran kerana kompleks akan dinaik taraf selepas kerja pembaikan dan ubah suai kompleks dilakukan.

#### **1.4.4. Peralatan Makmal Di Bangunan PINCER, Bandar Meru Raya, Ipoh Tidak Digunakan**

**1.4.4.1.** Di bawah RMKe 10, PKNP memperolehi peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM438,678 bagi projek pembangunan Pusat Pengurusan Harta Intelek, Herbarium dan Koleksi Rujukan Serangga. Sebahagian peruntukan tersebut adalah bagi menyediakan komponen peralatan di bangunan *Perak Innovation and Creative Content Centre* (PINCER) di bawah program pembangunan BioD Inisiatif/Greater Ipoh Utara untuk menyimpan koleksi pokok dan tumbuh-tumbuhan serta serangga yang diperolehi daripada Hutan Negeri Perak. Sebelum perolehan peralatan dibuat, pada tahun

2012 PKNP telah melantik Syarikat Yakin Mahir Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian di bangunan PINCER dengan kos berjumlah RM69,870. Ia adalah kerja menyediakan sebuah makmal bagi tujuan penyelidikan terhadap 5,756 spesimen tumbuhan herba dan 1,509 serangga seperti semut, kumbang dan rama-rama. Selain itu, satu syarikat juruperunding iaitu Syarikat Jayasama Enterprise dilantik dan dibayar sejumlah RM32,781 untuk kerja-kerja penyediaan, khidmat nasihat, latihan teknikal dan pemilihan spesimen herbarium dan *insectarium*. Kemudiannya PKNP telah membuat perolehan sebanyak 41 komponen peralatan/aset melibatkan kos berjumlah RM136,580 untuk makmal tersebut. Antara aset yang dibeli ialah peralatan seperti *dehumidifier*, *air sterilizer*, *data logger*, *oven*, *deep freezer*, mikroskop, kamera dan aksesori serta perabot.

**1.4.4.2.** Lawatan Audit pada 29 Oktober 2014 bersama pegawai PKNP mendapati sebanyak 40 daripada 41 aset yang dibeli berada dalam keadaan terbiar sejak tahun 2013 dan tidak digunakan selaras dengan objektif pembelian. Manakala sebuah kamera berserta aksesorinya disimpan dengan selamat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, PKNP serta digunakan semasa majlis rasmi anjuran PKNP. Contoh aset terbiar adalah seperti **di Gambar 1.14** hingga **Gambar 1.21**. Temu bual Audit mendapati PKNP tidak mempunyai kakitangan yang berkemahiran dan sesuai untuk mengendalikan peralatan makmal yang disediakan.

**Gambar 1.14**  
Mikroskop



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan PINCER, Bandar Meru Raya,  
Ipoh  
Tarikh: 29 Oktober 2014

**Gambar 1.15**  
Peralatan Komputer



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan PINCER, Bandar Meru Raya,  
Ipoh  
Tarikh: 29 Oktober 2014

**Gambar 1.16**  
*Round Chest Freezer*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan PINCER,  
Bandar Meru Raya, Ipoh  
Tarikh: 29 Oktober 2014

**Gambar 1.17**  
*Dehumidifier*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan PINCER,  
Bandar Meru Raya,Ipoh  
Tarikh: 29 Oktober 2014

**Gambar 1.18**  
*Mechanical Mobile Compactor*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan PINCER,  
Bandar Meru Raya,Ipoh  
Tarikh: 29 Oktober 2014

**Gambar 1.19**  
*Herbarium Drying Cabinet*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan PINCER,  
Bandar Meru Raya,Ipoh  
Tarikh: 29 Oktober 2014

**Gambar 1.20**  
*Insect Drawers*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan PINCER,  
Bandar Meru Raya,Ipoh  
Tarikh: 29 Oktober 2014

**Gambar 1.21**  
*Air Sterilizer*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan PINCER,  
Bandar Meru Raya, Ipoh  
Tarikh: 29 Oktober 2014

**1.4.4.3. Mengikut maklum balas daripada PKNP bertarikh 8 Januari 2015, pihak PKNP tidak dapat meneruskan pelaksanaan projek ini kerana ketiadaan kepakaran dalam bidang ini memandangkan pegawai penyelidik yang bertanggungjawab ke atas projek ini telah meletakkan jawatan. Bagaimanapun, aset-aset ini masih di dalam keadaan yang baik dan dijaga dengan rapi. Pihak pengurusan baru PKNP telah menetapkan hala tuju dan penglibatan PKNP di dalam bidang-bidang baru yang strategik selaras dengan *Blueprint* Kumpulan PKNP bagi tahun 2013 hingga 2018. Memandangkan bidang ini tidak lagi diceburi oleh PKNP, maka kajian akan dibuat oleh pihak pengurusan PKNP sama ada untuk mengadakan usaha sama dengan pihak luar yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini atau digunakan oleh lain-lain anak syarikat dalam Kumpulan PKNP.**

Pada pendapat Audit, PKNP perlu membuat keputusan dengan cepat berhubung peralatan makmal yang tidak digunakan bagi mengelak pembaziran atau menjadi usang seperti mempertimbangkannya untuk diberi kepada mana-mana institusi pengajian tinggi dan agensi penyelidik untuk dimanfaatkan.

## **1.5. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan keberkesanan terhadap pengurusan perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak adalah disyorkan mengambil langkah berikut:

- 1.5.1. Memastikan projek siap mengikut jadual supaya tidak berlaku pertambahan kos.**
- 1.5.2. Membuat perancangan perolehan dengan lebih teliti untuk mengelakkan perolehan dibuat tidak mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan di samping mengelakkan pembaziran aset yang tidak digunakan.**

---

## **MAJLIS DAERAH LENGGONG**

## **MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU**

---

### **2. PENGURUSAN PEROLEHAN**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Majlis Daerah Lenggong (MDL) dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara tanggungjawab MDL dan MDPH ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam. Di MDL dan MDPH, Jabatan Perbendaharaan adalah bertanggungjawab menguruskan perolehan manakala perancangan, pelaksanaan dan penyenggaraan projek-projek pembangunan digalas oleh Jabatan Kejuruteraan.

**2.1.2.** Kaedah perolehan yang dilaksanakan di MDL dan MDPH adalah secara perolehan terus, sebut harga dan tender. Sumber kewangan bagi tahun 2011 hingga 2014 bagi MDL dan MDPH diperolehi daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan sumber Majlis sendiri. Pecahan perolehan mengikut kaedah tender, sebut harga dan perolehan terus bagi MDL dan MDPH adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Pecahan Perolehan Mengikut Kaedah**  
**Tender, Sebut Harga Dan Perolehan Terus**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2014**

Bil.	PBT	Tahun	Kaedah Perolehan						Jumlah	
			Tender		Sebut Harga		Perolehan Terus			
			Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
1.	MDL	2011	1	0.68	15	1.28	16	0.28	32	2.24
		2012	-	-	15	2.26	9	0.16	24	2.42
		2013	-	-	18	1.95	17	0.32	35	2.27
		2014	-	-	21	3.58	21	0.38	42	3.96
<b>Jumlah</b>			<b>1</b>	<b>0.68</b>	<b>69</b>	<b>9.07</b>	<b>63</b>	<b>1.14</b>	<b>133</b>	<b>10.89</b>
2.	MDPH	2011	-	-	7	1.41	40	0.70	47	2.11
		2012	1	1.09	27	2.75	30	0.34	58	4.18
		2013	-	-	12	1.58	52	0.86	64	2.44
		2014	1	1.16	19	1.58	72	1.57	92	4.31
<b>Jumlah</b>			<b>2</b>	<b>2.25</b>	<b>65</b>	<b>7.32</b>	<b>194</b>	<b>3.47</b>	<b>261</b>	<b>13.04</b>

Sumber: MDL dan MDPH

#### **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan MDL dan MDPH telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pengurusan perolehan bagi tahun 2011 hingga 2014 di MDL dan MDPH. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan MDL dan MDPH. Pemilihan sampel pengauditan adalah sekurang-kurangnya 20% daripada setiap jenis perolehan. Lawatan Audit ke lokasi projek terpilih dan temu bual juga telah dijalankan semasa pengauditan. *Exit Conference* bersama Yang DiPertua MDL dan MDPH telah diadakan pada 23 Disember 2014 yang turut dihadiri oleh wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Unit Audit Dalam) dan wakil Pejabat Kewangan Negeri.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di MDL dan MDPH adalah memuaskan daripada aspek pematuhan tatacara perolehan iaitu daripada peringkat jawatankuasa sehingga pemilihan kontraktor. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Perolehan secara tender
  - Perjanjian juruperunding tidak memuaskan dan pembayaran kepada juruperunding tidak mengikut perjanjian.
  - Perabot/Peralatan tidak dibekalkan mengikut kontrak.
- Perolehan secara sebut harga
  - Tempoh tanggungan insurans tidak meliputi tempoh kontrak.
  - Sijil siap kerja tidak dikeluarkan.
  - Projek lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.
  - Penyediaan spesifikasi kerja tidak terperinci.
  - Perolehan kerja tidak mengikut spesifikasi.

### **2.4.1. Perolehan Secara Tender**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menetapkan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melebihi RM500,000 hendaklah dibuat secara tender. Pada tahun 2011 sehingga September 2014, sebanyak 3 perolehan dilaksanakan secara tender di MDL dan MDPH. Dua perolehan secara tender telah ditawarkan oleh MDPH iaitu pada tahun 2012 dan 2014. Tawaran tender pada tahun 2012 adalah melibatkan Projek Tambahan Bangunan Dan Aksesori Pejabat Baru MDPH. Manakala pada tahun 2011, Majlis Daerah Lenggong melaksanakan satu perolehan melalui kaedah tender melibatkan projek kerja-kerja mendalamkan tasik seluas kira-kira 82 ekar di Kg. Kota Tampan Air, Lenggong, Perak bagi mengatasi banjir. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan perolehan secara tender adalah seperti berikut:

#### **2.4.1.1. Projek Tambahan Bangunan Dan Aksesori Pejabat Baru MDPH**

Kos projek ini berjumlah RM1.06 juta termasuk kos tambahan berjumlah RM0.26 juta telah ditawarkan kepada Pancar Sepadan Sdn. Bhd. manakala juruperunding projek yang dilantik ialah Pace Structure Consulting dengan kadar bayaran 8% daripada kos asal yang berjumlah RM0.80 juta. Kadar ini termasuk bayaran ikhtisas dan semua khidmat perunding. Projek ini telah mula dilaksanakan pada 26 Jun 2012 dan telah disiapkan pada 21 Januari 2013. Semakan Audit terhadap pengurusan projek ini mendapati perkara seperti berikut:

##### **a. Pengurusan Juruperunding Projek**

###### **i. Perjanjian Pelantikan Juruperunding Projek Tidak Memuaskan**

Semakan Audit terhadap perjanjian pelantikan juruperunding projek yang telah ditandatangani pada 15 Januari 2012 mendapati perkara berikut:

- Perjanjian tidak dimatikan setem. Keperluan ini adalah untuk menjaga kepentingan Kerajaan supaya perjanjian ini diterima sebagai keterangan di mahkamah, terutama semasa dikemukakan sebagai keterangan dalam tindakan sivil menuntut ganti rugi selaras dengan peruntukan Seksyen 52 Akta Setem 1949.
- Perjanjian pelantikan juruperunding projek tidak mempunyai klausa mengenai rasuah seperti ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan bertarikh 1 April 2010.

###### **ii. Pembayaran Kepada Juruperunding Projek Tidak Mengikut Perjanjian**

Mengikut perjanjian juruperunding projek yang telah ditandatangani pada 15 Januari 2012, 20% pembayaran juruperunding akan dibayar sebaik sahaja projek siap. Semakan Audit terhadap pembayaran interim kepada kontraktor projek mendapati pembayaran kepada juruperunding telah dibayar melalui kontraktor projek dan pembayaran penuh telah dibuat melalui interim kedua walaupun kemajuan kerja hanya setakat 44.7%. **Mengikut maklum balas MDPH bertarikh 30 Disember 2014, pihak MDPH akur dengan teguran Audit dan akan menambah baik prosedur bayaran pada masa akan datang. Bagaimanapun, projek ini telah disiapkan dengan sempurna.**

##### **b. Perabot/Peralatan Tidak Dibekalkan Mengikut Kontrak**

- i. Lawatan Audit di beberapa kawasan dalam bangunan pejabat baru MDPH mendapati perabot/peralatan yang sepatutnya dibekalkan seperti syarat kontrak

tiada di lokasi walaupun ia telah diperakui penerimaannya dan seterusnya telah dibayar oleh MDPH. Perabot tersebut adalah *railing* berharga RM6,000 dan empat unit pendingin hawa bernilai RM7,695.

- ii. **Mengikut maklum balas MDPH bertarikh 30 Disember 2014 dan 6 Februari 2015, pihak MDPH telah mengarahkan kontraktor berkenaan untuk memasang *railing* seperti mana pelan tender pada 15 Januari 2015.**

**2.4.1.2. Projek Kerja-Kerja Mendalamkan Tasik Seluas Kira-Kira 82 Ekar Di Kg. Kota Tampan Air, Lenggong Sehingga Muara Sungai Perak Bagi Mengatasi Banjir Di MDL**

- a. Majlis Daerah Lenggong telah diberi tanggungjawab oleh Jawatankuasa Menangani Banjir/Bencana Daerah Kecil Lenggong untuk mendalamkan Tasik Kota Tampan Air. Keadaan Tasik Kota Tampan Air yang cetek menyebabkan limpahan air ke Sungai Neruk dan kawasan sekitarnya. Projek ini merupakan projek bagi mengatasi banjir kilat yang berlaku di sekitar kawasan Lenggong sementara menunggu pembinaan sebuah jambatan disiapkan oleh pihak JKR. Sebanyak 15 kontraktor telah mengemukakan tender dengan tawaran bernilai antara RM0.68 juta hingga RM1.81 juta. Pihak MDL melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Tender Dan Sebut Harga Majlis Daerah Lenggong Bil. 4 Tahun 2010 telah memilih Kota Lenggong Enterprise dengan tawaran kos projek berjumlah RM0.80 juta untuk dibawa ke pertimbangan Jawatankuasa Tender Negeri. Bagaimanapun Mesyuarat Lembaga Tender Negeri Bil. 6 Tahun 2010 telah memutuskan untuk memilih tawaran yang lebih rendah iaitu syarikat Pembinaan Amraad Idris bernilai RM0.68 juta. Tawaran kerja telah dikeluarkan pada 10 Februari 2011 dan kerja perlu disiapkan pada 23 Julai 2011. Surat permohonan lanjutan masa telah dikemukakan oleh kontraktor pada 5 Julai 2011 dan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa telah diluluskan sehingga 23 November 2011.
- b. Selain itu, Majlis Daerah Lenggong telah melantik juruukur tanah berlesen iaitu Tetuan Fourmate Survey pada 28 Mac 2011 dengan kos bayaran berjumlah RM0.03 juta melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Pelantikan ini bertujuan untuk perkhidmatan pengesahan kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan memandangkan MDL tidak mempunyai kepakaran dalam projek ini. Sehingga 23 November 2011, projek tersebut masih belum disiapkan menyebabkan MDL mengeluarkan Sijil Tidak Siap Kerja dengan dikenakan denda lewat sejumlah RM126 sehari. Kontraktor masih gagal untuk menyiapkan projek tersebut walaupun MDL telah mengeluarkan notis supaya segera menyiapkan kerja pada 12 Mac 2012. Denda lewat telah dibayar oleh kontraktor kepada MDL sebanyak RM42,966 melalui potongan daripada pembayaran interim. Pada 24 Julai 2012 pihak kontraktor telah memohon Penamatan Bersama atas alasan kerja pemasangan *geotube* tidak dapat dijalankan kerana paras air tasik yang tinggi serta tidak memenuhi kehendak spesifikasi pemasangannya. Selain itu, MDL mendakwa tidak mendapat kerjasama

dari pihak Tenaga Nasional Berhad untuk menggerakkan operasi turbin melalui enjin jana kuasa bagi merendahkan paras air tasik. Pihak MDL menolak cadangan Penamatan Bersama ini dengan mengeluarkan 2 notis iaitu Notis Kemungkiran Kontraktor pada 14 November 2012 dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor pada 4 Februari 2013. Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penilaian Tender Dan Sebut harga MDL, pelaksanaan kerja telah mencapai 80% dan kos projek yang telah dibayar adalah berjumlah RM0.48 juta. Bagaimanapun, tiada sebarang kerja-kerja sambungan dijalankan. Pihak Audit mendapati projek mendalamkan tasik ini telah mencapai matlamat walaupun kerja-kerja pemasangan geotube tidak disiapkan.

- c. **Mengikut maklum balas MDL bertarikh 22 Disember 2014, kerja-kerja mengorek dasar tasik telah diperakui oleh juruukur tanah berlesen adalah 100% penyiapan pada 1 April 2012. Matlamat projek mencegah banjir akan tercapai sepenuhnya sekiranya komponen kerja pemasangan geotube bagi penyediaan ban dibuat oleh pihak kontraktor. Pihak MDL mendapati perkara positif berikut berlaku selepas terlaksananya projek ini:**
  - i. **Tiada banjir besar berlaku di RPA Kota Tampan dan kampung-kampung sekelilingnya sebagaimana yang berlaku pada setiap penghujung tahun.**
  - ii. **Kekerapan kerja-kerja penyenggaraan bagi mendalamkan Sungai Neruk berjaya dikurangkan selepas tahun 2011.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan tender di MDPH dan MDL adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak MDPH perlu menambah baik perjanjian perkhidmatan juruperunding projek yang antaranya memastikan pembayaran juruperunding adalah mengikut perjanjian serta pembekalan mengikut kontrak yang ditandatangani.

#### **2.4.2. Perolehan Secara Sebut Harga**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menyatakan perolehan bekalan/perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 dan perolehan kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar bernilai melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014, sebanyak 134 perolehan telah dilaksanakan melibatkan sebanyak 69 perolehan berjumlah RM9.07 juta di MDL dan 65 perolehan berjumlah RM7.32 juta di MDPH. Sebut harga yang dilaksanakan melibatkan perolehan kerja dan bekalan. Hasil semakan Audit terhadap 26 perolehan di MDL dan 25 perolehan di MDPH mendapati ada kelemahan dalam pengurusan perolehan secara sebut harga iaitu:

#### **2.4.2.1. Tempoh Tanggungan Insurans Tidak Meliputi Tempoh Kontrak**

- a. Majlis perlu memastikan tempoh tanggungan insurans meliputi tempoh siap kerja dan tempoh tanggungan kecacatan. Sekiranya kontraktor diluluskan untuk lanjutan masa, tempoh tanggungan insurans juga perlu dilanjutkan selaras dengan tempoh siap kerja dan tempoh tanggungan kecacatan yang baru. Semakan Audit mendapati 2 perolehan yang diluluskan lanjutan masa tidak ditambah tempoh tanggungan insurans manakala polisi insurans bagi 2 perolehan tidak disediakan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Tempoh Tanggungan Insurans Di MDL Dan MDPH Tidak Meliputi Tempoh Kontrak**

Bil.	Projek	Tarikh Siap Kerja Sebenar	Tarikh Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan	Tempoh Caruman Insurans
<b>Majlis Daerah Lenggong</b>				
1.	Menaik taraf Gerai-gerai Di Atas Pasar, Dataran Lenggong Dan Gerai-gerai Dalam Kawasan Majlis Daerah Lenggong.	22.07.2013	27.07.2014	22.04.13 -15.07.13 (Tiada tempoh caruman pada 16.07.13 – 22.07.13)
<b>Majlis Daerah Pengkalan Hulu</b>				
1.	Menaik taraf Siar Kaki Di Taman Tasik Takong, Majlis Daerah Pengkalan Hulu.	11.12.2013	10.06.2014	Tempoh tanggungan kecacatan yang sepatutnya adalah 10.12.2014
2.	Membekal Dan Memasang Kerangka Papan Iklan Luar Di Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Pengkalan Hulu.			Polisi insurans bagi tanggungan awam dan pampasan pekerja untuk tempoh tanggungan kecacatan tidak disediakan.
3.	Membekal Dan Memasang Papan Tanda Dan Penunjuk Arah Nama Taman-taman Di Pengkalan Hulu.			

Sumber: Majlis Daerah Lenggong Dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu

- b. **Mengikut maklum balas MDL bertarikh 22 Disember 2014, Jabatan Kejuruteraan mengakui kesilapan ini dan akan mengambil tindakan memperkemaskan semula Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa dengan menambah peringatan kepada kontraktor berkenaan tanggungjawab untuk menyelenggara insurans sepanjang tempoh kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan.**
- c. **Mengikut maklum balas MDPH bertarikh 23 Disember 2014, pihak MDPH mengambil maklum teguran Audit dan telah mengarahkan kontraktor mendapatkan insurans bagi tujuan tersebut.**

#### 2.4.2.2. Perakuan Siap Kerja Tidak Dikeluarkan

- a. Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan perakuan siap kerja apabila kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan kerana tempoh tanggungan kecacatan akan dikira bermula daripada tarikh perakuan siap kerja dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 14 daripada 26 projek di MDL dan 20 daripada 25 projek di MDPH yang disemak tidak dikeluarkan Perakuan Siap Kerja walaupun kerja telah disiapkan dan pembayaran telah dibuat kepada kontraktor. Antara projek yang terlibat adalah seperti di **Jadual 2.3.**

**Jadual 2.3  
Perakuan Siap Kerja Tidak Dikeluarkan**

Bil.	Projek	Tahun	Kos (RM Juta)	Tarikh Siap	Tempoh Kecacatan (Bulan)
<b>Majlis Daerah Lenggong</b>					
1.	Menaik taraf Garaj/Astaka Majlis Dalam Kawasan Majlis Daerah Lenggong	2011	0.15	28.12.2011	6
2.	Menstabilkan Cerun Di Taman Bukit Senyum Majlis Daerah Lenggong	2011	0.19	08.03.2011	6
3.	Memasang Lampu Jalan Selamat Untuk Program Bandar Selamat (NKRA), Lenggong	2012	0.16	20.06.2012	6
4.	Menaik taraf Semula Tempat Letak Kenderaan Di R&R Tasik Raban (Lama), Lenggong	2012	0.15	16.07.2012	6
5.	Menaik taraf Dewan Merdeka Dan Dewan Kota Tampan Majlis Daerah Lenggong	2013	0.20	05.12.2013	12
6.	Menaik taraf Gelanggang Tenis & Futsal, Lenggong	2014	0.49	15.09.2014	12
7.	Menaik taraf Rumah Rehat Lenggong	2012	0.20	09.08.2012	6
<b>Majlis Daerah Pengkalan Hulu</b>					
1.	Menaik taraf Longkang, Jalan Utama, Jalan Tengah Di Kg. Padang Tamat, MDPH	2011	0.48	06.06.2011	12
2.	Menaik taraf Longkang Monsun Di Taman Intan, MDPH	2011	0.19	19.12.2011	12
3.	Kerja-Kerja Pencahayaan & Keselamatan Sekitar Pengkalan Hulu, MDPH	2011	0.15	11.07.2011	6
4.	Menaik taraf Jalan, Longkang & Infrastruktur Di Jalan Belakang Padang Bola MDPH	2011	0.19	01.12.2011	12
5.	Membina Longkang Di Carok Karang MDPH	2011	0.29	06.06.2011	12
6.	Menaik taraf Chalet Air Panas MDPH	2012	0.20	10.12.2012	12
7.	Menaik taraf Taman Tasek Takong, MDPH	2012	0.20	29.04.2012	12
8.	Kerja-kerja Memperbaiki Sistem Saliran Di Kg. Baru Pengkalan Hulu, MDPH	2012	0.60	03.12.2012	12
9.	Menaik taraf Podium Dan Lampu MDPH	2012	0.20	26.7.2012	12
10.	Menaik taraf Gerai Penjaja MDPH	2013	0.34	27.12.2013	12
11.	Membina Kios Penjaja Di Jalan Betong, MDPH	2013	0.15	08.07.2013	12
12.	Menaik taraf Jalan Dan Longkang Di PPMS Penduduk Kg. Bukit Buluh, MDPH	2013	0.19	17.06.2013	12

Sumber: Fail Projek Majlis Daerah Lenggong dan Pengkalan Hulu

- b. **Mengikut maklum balas MDL bertarikh 22 Disember 2014, Jabatan Kejuruteraan MDL mengakui kesilapan ini dan telah mengeluarkan sijil perakuan siap kerja bagi semua projek yang terlibat.**
- c. **Mengikut maklum balas MDPH bertarikh 30 Disember 2014, pihak MDPH mengambil maklum teguran Audit. Sehubungan itu, pihak MDPH telah mengeluarkan sijil perakuan siap kerja bagi semua projek terlibat.**

#### **2.4.2.3. Penyediaan Spesifikasi Kerja Tidak Terperinci**

Spesifikasi sebut harga yang dipelawa hendaklah jelas supaya penender mendapat gambaran yang menepati kehendak Kerajaan. Semakan Audit terhadap 14 perolehan secara sebut harga di MDL mendapati spesifikasi kerja yang disediakan adalah memuaskan. Bagaimanapun di MDPH pula sebanyak 2 daripada 15 projek yang disemak tidak dinyatakan spesifikasi dengan jelas dan terperinci.

##### **a. Projek Menaik taraf Jalan, Longkang Dan Infrastruktur Di Jalan Belakang Padang Bola MDPH**

Projek ini dilaksanakan pada tahun 2011 melalui peruntukan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT) sejumlah RM0.19 juta. Antara kerja yang dilaksanakan ialah kerja-kerja premix, konkrit, mengecat jalan dan pembinaan longkang. Semakan Audit mendapati spesifikasi kerja mengecat jalan bagi tempat letak kereta dan motosikal yang melibatkan kos berjumlah RM26,658 dibuat secara pukal tanpa perincian kerja. Pemeriksaan Audit bersama pegawai MDPH pada 30 September 2014 mendapati jalan yang dicat adalah berukuran 192.55 meter. Hasil pengiraan Audit mendapati harga yang dikenakan oleh kontraktor adalah berjumlah RM138.45 semeter. Bagaimanapun, Jadual Kadar Harga yang dikeluarkan oleh JKR menetapkan bahawa kos mengecat jalan semeter adalah RM8.05. Ini menyebabkan MDPH mengalami kerugian sejumlah RM25,108 akibat daripada penyediaan spesifikasi kerja yang tidak terperinci. **Mengikut maklum balas MDPH bertarikh 29 Disember 2014, pihak MDPH melaksanakan projek tersebut secara sebut harga di mana kontraktor akan menetapkan harga pada borang. Mengikut harga anggaran dari pihak MDPH, terdapat kerja yang dimasukkan lebih dari yang sepatutnya dan ada perkara yang rendah. Walau bagaimanapun, kos keseluruhan adalah munasabah dengan kerja yang dilaksanakan dan masih di dalam lingkungan peruntukan Jabatan.**

##### **b. Projek Menaik taraf Chalet Air Panas, Pengkalan Hulu**

Projek ini dilaksanakan pada tahun 2012 melalui peruntukan daripada KPKT berjumlah RM0.20 juta. Antara kerja-kerja yang dilaksanakan adalah menaik taraf daun pintu (17 unit), membaiki frame pintu tandas (34 unit), membekal dan

memasang mangkuk tandas (22 unit), pendawaian semula bekalan elektrik lampu kalimantang (31 set) serta kerja-kerja membekal dan memasang jaring nyamuk. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan lokasi kerja-kerja yang telah dilaksanakan kerana tidak dinyatakan lokasi pembekalan di dalam dokumen perincian kerja sebut harga. **Mengikut maklum balas MDPH bertarikh 29 Disember 2014, MDPH mengambil maklum penemuan dan pemerhatian pihak Audit. Penambahbaikan dalam spesifikasi dan kuantiti kerja akan diambil tindakan pada masa akan datang.**

#### 2.4.2.4. Perolehan Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi


- a. Perakuan mengenai bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah dilaksanakan dengan sempurna sebelum bayaran dibuat. Semakan Audit terhadap 26 sebut harga di MDL adalah baik. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 25 sebut harga di MDPH mendapati bayaran bagi 2 sebut harga telah dibuat terhadap kerja yang dilaksanakan walaupun kerja tersebut tidak mengikut spesifikasi seperti pemasangan jubin, plaster siling dan benteng konkrit. Ini mengakibatkan kerugian kepada MDPH sejumlah RM25,085. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Perolehan Kerja Di MDPH Tidak Mengikut Spesifikasi**

Bil.	Butiran Sebut Harga	Spesifikasi Kerja	Penemuan Audit	Kos Projek (RM Juta)
1.	Projek Menaik taraf Rumah Rehat Pengkalan Hulu	a) Membekal dan memasang jubin pada keseluruhan dewan makan, dapur, ruang pejabat dan tandas seperti di <b>Gambar 2.1</b> .	a) Jubin di dapur dan ruang pejabat tidak dipasang seperti di <b>Gambar 2.2</b> .	0.29
		a) Memasang jubin pada lantai ( $80m^2$ : RM8,000) dan dinding surau ( $60m^2$ : RM4,200).	a) Jubin pada lantai dan dinding surau yang dipasang hanyalah berkeluasan $53m^2$ iaitu lantai ( $32m^2 \times RM100 = RM3,200$ ) dan dinding surau ( $21m^2 \times RM70 = RM1,470$ ) mengakibatkan lebihan bayaran berjumlah RM7,530.	
		Memasang plaster siling di Dewan Makan dengan keluasan $300m^2$ (RM16,500).	Plaster siling dipasang hanyalah berkeluasan $180m^2$ ( $RM55 \times 180 = RM9,900$ ). (Lebihan bayaran: RM6,600)	
2.	Projek Menaik taraf Jalan Dan Longkang di PPMS Penduduk Kampung di Bukit Buluh, MDPH	a) Kerja-kerja membina benteng konkrit sepanjang 72 meter. (RM22,032)	a) Benteng konkrit hanya dibina sepanjang 36.2 meter seperti di <b>Gambar 2.3</b> mengakibatkan lebihan bayaran berjumlah RM10,955.	0.19
			b) Kerja membina benteng konkrit tidak kemas kerana kerangka besi boleh dilihat.	

Sumber: Dokumen Sebut harga MDPH

**Gambar 2.1**  
**Lantai Jubin Baru Di Dewan Makan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Rehat Pengkalan Hulu  
Tarikh: 29 September 2014

**Gambar 2.2**  
**Lantai Di Ruang Dapur Tidak Diganti Baru**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Rehat Pengkalan Hulu  
Tarikh: 29 September 2014

**Gambar 2.3**  
**Panjang Benteng Konkrit Tidak Mengikut Spesifikasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPMS Bukit Buluh, MDPH  
Tarikh: 24 September 2014



b. **Maklum balas MDPH bertarikh 23 dan 30 Disember 2014 adalah seperti berikut:**

- i. **Projek Menaik taraf Rumah Rehat Pengkalan Hulu:** Hasil perbincangan MDPH dengan penyewa bangunan mendapati keperluan kepada pelanggan adalah lebih menjadi keutamaan memandangkan peruntukan terhad. Kekurangan pembekalan dan pemasangan jubin mengikut keluasan jubin seperti dalam kontrak telah dilaraskan kepada pemasangan jubin serta pembekalan kipas angin dan sebahagian lampu *downlight* di dewan makan dan dewan mesyuarat. Sebagai langkah penambahbaikan, setiap kerja pelarasan akan disahkan oleh Pegawai Penguasa MDPH atau wakilnya.
- ii. **Projek Menaik taraf Jalan dan Longkang di PPMS:** Semasa kerja-kerja hendak dilaksanakan, pihak MDPH mendapati arah aliran air hujan kawasan tersebut tidak sekata dan tidak memerlukan benteng keselamatan pada bahagian hujung. Maka MDPH melaksanakan sebahagian sahaja benteng

tersebut dengan ketinggian asal 600mm x 72m dipinda kepada 1200mm x 36m. Manakala bagi isu kerangka besi, pihak MDPH telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 19 Disember 2014 kepada kontraktor bagi maksud memotong dan mengemas semula kerangka besi tersebut.

Pada pendapat Audit, MDL dan MDPH perlu memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuat kuasa dengan perincian spesifikasi kerja termasuk pembayaran dibuat mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

## 2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja dapat dilaksanakan dengan teratur dan cekap serta mendapat *value for money*, Majlis Daerah Lenggong dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu adalah disyorkan mematuhi sepenuhnya tatacara perolehan yang berkuat kuasa termasuk menyediakan skop dan spesifikasi kerja yang lengkap supaya pengesahan kerja dapat dibuat dengan sempurna.

---

## **KPERAK IMPLEMENTATION AND COORDINATION CORPORATION**

---

### **3. PENGURUSAN PROJEK KPERAK**

#### **3.1. LATAR BELAKANG**

**3.1.1.** KPerak Implementation And Coordination Corporation (KPerak) merupakan sebuah syarikat terhad kepada jaminan Kerajaan Negeri yang ditubuhkan pada 13 November 2006 di bawah Akta Syarikat 1965 dan tiada modal saham berbayar. KPerak mula beroperasi sepenuhnya mulai 1 Mac 2007 di bawah Lembaga Pemegang Amanah yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perak dan 2 orang ahli iaitu YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan YB Pegawai Kewangan Negeri Perak. Peranan utama KPerak adalah sebagai fasilitator kepada Kerajaan Negeri khususnya berkaitan *Information Communication Technology (ICT)* berteraskan industri MIND (*Multimedia, IT Outsourcing, New Media dan Data Centre*) selaras dengan visi menjadikan Negeri Perak sebagai negeri maju dan berpengetahuan sepenuhnya menjelang tahun 2015.

**3.1.2.** Program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh KPerak sejak tahun 2007 sehingga kini adalah berteraskan kepada inisiatif 5K iaitu K-Ekonomi, K-Masyarakat, K-Infrastruktur, K-Kerajaan dan K-Persekitaran dengan objektif seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1  
Objektif Program KPerak Berteraskan 5K**

Bil.	Butiran	Objektif Program
1.	K-Ekonomi	Menghubungkan industri melalui pembangunan industri ICT berasaskan Kandungan Kreatif dan ‘Shared Services and Outsourcing’.
2.	K-Masyarakat	Memperluaskan budaya dan gaya hidup berteraskan ICT Merangkumi akses kepada teknologi, kemahiran mengaplikasikan teknologi dan memberikan hala tuju terhadap kesinambungan penggunaan teknologi.
3.	K-Infrastruktur	Mempertingkatkan akses dan capaian jalur lebar yang seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar.
4.	K-Kerajaan	Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan dan agensi Kerajaan kepada orang awam.
5.	K-Persekitaran (K-Pekerja)	Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan menghasilkan Tenaga kerja yang kompetitif dengan memberi khidmat latihan berteraskan ICT selaras dengan keperluan pasaran kerja.

Sumber: KPerak Implementation And Coordination Corporation

**3.1.3.** Mulai tahun 2007 hingga 2014, Kerajaan Negeri Perak telah menyalurkan peruntukan kepada KPerak melalui Pejabat Kewangan Negeri (PKN) di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan (RMKe-10). Peruntukan sebagai geran bagi melaksanakan

Pelbagai Program Pembangunan Pengkomputeran ini merupakan pendapatan utama KPerak sejak ditubuhkan. Butiran agihan peruntukan adalah seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Geran Kerajaan Negeri Kepada KPerak**  
**Bagi Pelbagai Program Pembangunan Pengkomputeran (Kod Projek: P10004)**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2014**

Bil.	Tahun	Peruntukan Patut Terima (RM Juta)	Peruntukan Sebenar Terima (RM Juta)	Peruntukan Tambahan (RM Juta)	Jumlah Sebenar Terima (RM Juta)	Tahun	Jumlah Sebenar Terima (RM Juta)
<b>RMKe-10</b>						<b>RMKe-9</b>	
1.	2014	15.00	9.67	2.50	12.17	2010	15.00
2.	2013	15.00	10.05	2.00	12.05	2009	17.00
3.	2012	16.55	10.73	Tiada	10.73	2008	13.00
4.	2011	15.00	15.00	6.00	21.00	2007	13.70
<b>Jumlah</b>		<b>61.55</b>	<b>45.45</b>	<b>10.50</b>	<b>55.95</b>	<b>Jumlah</b>	<b>58.70</b>

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri dan KPerak Implementation And Coordination Corporation

### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan projek KPerak telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

### 3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek KPerak bagi tempoh 2011 hingga 2014. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail projek, prosedur kerja, rekod perakaunan serta dokumen berkaitan projek KPerak. Pemilihan sampel pengauditan adalah tertumpu kepada projek-projek bernilai melebihi RM1 juta iaitu program bantuan pembiayaan kepada usahawan teknologi di bawah K-Ekonomi, program EzLearn2U, Program Pengukuhan Strategi dan Komunikasi Media Baru di bawah K-Masyarakat dan Program KPerak Media Channel di bawah K-Kerajaan. Selain itu, analisis Audit juga dibuat bagi menilai kecekapan dan keberkesanan prestasi projek. Lawatan Audit ke Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat KPerak dan lokasi projek terpilih iaitu Tingkat 15, Bangunan Perak Techno-Centre (PTTC) Bandar Meru Raya Ipoh, sampel sekolah rendah dan menengah di sekitar bandar Ipoh, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta temu bual dengan pihak yang terlibat juga telah dijalankan. *Exit Conference* bersama Ketua Pegawai Eksekutif KPerak telah diadakan pada 24 April 2014 yang turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Ketua Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, wakil Pejabat Kewangan Negeri, wakil Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah Kinta.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mac 2015 mendapati KPerak telah melaksanakan pelbagai program dan pembangunan ICT khususnya di bawah inisiatif K-Ekonomi dan K-Masyarakat dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negeri Perak dan memberikan perkhidmatan yang bermanfaat kepada masyarakat. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan dan pelaksanaan projek KPerak seperti berikut:

- Program bantuan pembiayaan kepada usahawan teknologi gagal mencapai matlamat.
- Tiada capaian penggunaan program EzLearn2U oleh kumpulan sasaran.
- Kelemahan dalam pengurusan dan pemantauan program pengukuran strategi dan komunikasi media baru dan KPerak media channel.

#### **3.4.1. Program Bantuan Pembiayaan Kepada Usahawan Teknologi Gagal Mencapai Matlamat**

##### **3.4.1.1. Program Bantuan Pembiayaan Kepada Usahawan Teknologi**

- a. Lembaga Pemegang Amanah KPerak pada 25 Oktober 2010 telah meluluskan penubuhan Tabung Dana Pusingan (*Revolving Fund*) berjumlah RM5 juta sebagai dana pinjaman kepada usahawan teknologi di Negeri Perak yang berminat menjayakan industri pembangunan kandungan kreatif multimedia. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011 hingga 2013 terdapat 10 kelulusan pinjaman tanpa faedah diberikan oleh KPerak kepada 10 buah syarikat yang telah memohon. Para 3(d) Perjanjian Pinjaman Produksi Kandungan Kreatif menetapkan bayaran balik perlu dibuat oleh syarikat selepas produksi dijual atau syarikat telah memperoleh lain-lain dana. Sekiranya syarikat tidak mendapat dana lain dan hasil jualan produksi kurang daripada jumlah pinjaman, syarikat diberi pilihan membuat bayaran pinjaman secara ansuran selama antara 24 hingga 36 bulan. Sekiranya syarikat masih gagal menjelaskan pinjaman, semua aset digital syarikat akan diserahkan kepada KPerak.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh akhir pengauditan, tiada sebuah syarikat pun yang membuat bayaran balik sejak pinjaman tanpa faedah yang berjumlah RM2.76 juta dikeluarkan kepada 10 syarikat mulai tahun 2011 hingga 2013. Semakan Audit turut mendapati 3 daripada 10 syarikat terbabit mempunyai sejumlah RM267,113 tunggakan sewa pejabat menjadikan jumlah hutang belum bayar kepada KPerak meningkat daripada RM2.76 juta kepada RM3.03 juta. Maklumat pinjaman tanpa faedah dan tunggakan sewa syarikat kepada KPerak adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Senarai Penerima Pembiayaan Tanpa Faedah Oleh KPerak Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Nama Syarikat	Tujuan Pembiayaan	Jumlah Pembiayaan Diluluskan (RM)	Jumlah Pembiayaan Yang Dibayar KPerak (RM)	Tunggakan Sewa Pejabat (RM)	Jumlah Tunggakan Hutang (RM)
1.	Triple Q Innovation Sdn. Bhd.	Filem Animasi 3D Perak Boy	1,000,000	709,000	122,200	831,200
2.	Arinet Integrated Sdn. Bhd.	Filem Romantik Mencari Cinta	350,000	350,000	TB	350,000
3.	Mayaloca Sdn. Bhd.	Siri Animasi Purbawara	585,000	195,000	TB	195,000
4.	Pixelbud Studios Sdn. Bhd.	Filem Animasi Minians	255,000	217,000	107,040	324,040
5.	EMC Instrument Sdn. Bhd.	Siri Animasi Alia & Alien	349,000	139,000	TB	139,000
6.	Animagis Sdn. Bhd.	Siri Animasi	583,500	85,500	TB	85,500
7.	Integrated Commerce Sdn.Bhd.	Siri Animasi Pak Teh & Stailo	246,610	75,000	TB	75,000
8.	Anreichern Sdn. Bhd.	Menubuhkan Pusat Bahasa	850,000	850,000	TB	850,000
9.	Option Simplified	Menubuhkan Call Centre	50,000	50,000	37,873	87,873
10.	Clarify Consulting Sdn. Bhd.	Mobile Application	91,000	91,000	TB	91,000
<b>Jumlah</b>			<b>4,360,110</b>	<b>2,761,500</b>	<b>267,113</b>	<b>3,028,613</b>

Sumber: KPerak Implementation And Coordination Corporation

TB: Tidak Berkenaan

- c. Peningkatan tunggakan adalah disebabkan tiada sebarang tindakan diambil oleh KPerak untuk mengutip semula pinjaman yang telah dikeluarkan. Selain itu, tiada sebarang pemantauan oleh KPerak untuk mengenal pasti status terkini aktiviti syarikat sama ada syarikat masih beroperasi dan produksi berjaya dijual atau tidak. Kegagalan mendapatkan bayaran balik pinjaman mengakibatkan KPerak memberhentikan program pada tahun 2014 dan tidak lagi meneruskan bayaran baki pinjaman seperti yang diluluskan. Enam daripada 10 syarikat terlibat menerima RM2.76 juta berbanding RM4.36 juta pinjaman yang diluluskan. Hanya 4 syarikat yang mendapat jumlah bayaran penuh pinjaman daripada KPerak.
- d. Selain itu, pihak Audit turut mendapati sebelum penubuhan tabung dana pusingan, KPerak turut memberi bantuan pinjaman kepada usahawan teknologi berjumlah RM797,352 kepada 3 buah syarikat seperti di **Jadual 3.4**. Sehingga tarikh akhir pengauditan, tiada bayaran balik oleh syarikat berkaitan kerana tiada tindakan tuntutan pinjaman dilaksanakan oleh KPerak memandangkan tiada sebarang perjanjian pinjaman ditandatangani.

**Jadual 3.4**  
**Bantuan Pinjaman Kepada Usahawan Tekno**

Bil.	Nama Syarikat	Tujuan Pembiayaan	Jumlah Pembiayaan Yang Dibayar KPerak (RM)
1.	Advance Tech Global Sdn. Bhd.	Bayaran Ubahsuai Pejabat Tingkat 13, PTTC dan Perolehan Kelengkapan Komputer untuk Call Centre	659,162
2.	Komputer Rakyat Global	Bantuan kewangan untuk syarikat beroperasi	89,000
3.	KRG Solutions Sdn. Bhd.	Bantuan Kewangan untuk syarikat beroperasi	49,190
<b>Jumlah</b>			<b>797,352</b>

Sumber: KPerak Implementation And Coordination Corporation

- e. Mengikut maklum balas daripada KPerak bertarikh 11 Mei 2015, seorang kakitangan KPerak telah dilantik untuk meneliti semula perjanjian dan juga memantau pembayaran balik. Surat peringatan telah dikeluarkan dan tindakan lebih tegas akan dilaksanakan sekiranya peringatan ini tidak diendahkan oleh pemutang.

Pada pendapat Audit, KPerak hendaklah memastikan pinjaman yang dikeluarkan dapat dikutip balik dengan kadar segera.

### 3.4.2. Program EzLearn2U Tidak Mencapai Matlamat

#### 3.4.2.1. Perbezaan Antara Jumlah Sebenar Sekolah Dengan Bilangan Sekolah Yang Menerima Senarai Kod Pengguna

- a. Program Perkhidmatan EzLearn2U merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KPerak mulai tahun 2013 hingga kini untuk menambah baik Program Bengkel Kecemerlangan *Mind Mapping* yang bertujuan untuk memperluaskan budaya berteraskan ICT. KPerak telah melantik syarikat Star Vitalnet Technology Sdn. Bhd. secara lantikan terus sejak tahun 2007 hingga 2010 bagi melaksanakan Bengkel Kecemerlangan *Mind Mapping*. Syarikat yang sama juga dilantik secara tahunan pada tahun 2013 hingga 2015 melalui lantikan terus untuk mengendalikan portal pembelajaran secara *online* iaitu program EzLearn2U. Mulai tahun 2011 hingga 2015 Bengkel Kecemerlangan *Mind Mapping* masih diteruskan oleh syarikat yang sama melalui peruntukan yang disalurkan ke Yayasan Perak (YP) oleh Kerajaan Negeri. Kos yang ditanggung oleh KPerak berjumlah RM18.20 juta bagi kedua-dua program ini sejak tahun 2007 hingga 2015 dan bayaran kepada Syarikat sejumlah RM35.10 juta adalah seperti di Jadual 3.5.

**Jadual 3.5**  
**Kos Ditanggung KPerak Bagi Program EzLearn2U Dan**  
**Bengkel Kecemerlangan *Mind Mapping* Sejak Tahun 2007 Hingga 2015**

Tahun	Kos Ditanggung KPerak			Bayaran Bagi Bengkel Kecemerlangan <i>Mind Mapping</i> Disalurkan Ke Yayasan Perak	Jumlah Bayaran Kepada Syarikat Star Vitalnet Technology Sdn. Bhd.
	Kos Program EzLearn2U (RM Juta)	Kos Bengkel Kecemerlangan <i>Mind Mapping</i> (RM Juta)	Kos Tambahan (RM Juta)		
2007	Tiada	2.67	0.15	Tiada	2.67
2008	Tiada	1.93	Tiada	Tiada	1.93
2009	Tiada	2.49	0.04	Tiada	2.49
2010	Tiada	3.00	0.38	Tiada	3.00
2011	Tiada	Disalurkan Ke YP	Tiada	3.50	3.50
2012	Tiada	Disalurkan Ke YP	Tiada	3.50	3.50
2013	2.50	Disalurkan Ke YP	0.002	3.50	6.00
2014	2.50	Disalurkan Ke YP	0.02	3.50	6.00
2015	2.50	Disalurkan Ke YP	Tiada	3.50	6.00
<b>Jumlah</b>	<b>7.50</b>	<b>10.10</b>	<b>0.60</b>	<b>17.50</b>	<b>35.10</b>

Sumber: KPerak Implementation And Coordination Corporation dan Pejabat Kewangan Negeri

Nota: YP – Yayasan Perak

- b. Program EzLearn2U merupakan portal pembelajaran atau tuisyen secara *online* selaras dengan visi YAB Perdana Menteri melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang meliputi 11 anjakan untuk transformasi sistem di mana salah satu perubahan adalah memaksimumkan penggunaan ICT. Objektif utama program ini adalah memberi peluang kepada pelajar menonton video berulang kali untuk memahami pembelajaran melalui tenaga pengajar yang berpengalaman, mempelbagaikan teknik dan kaedah pembelajaran dan membantu mencapai sasaran Kerajaan membudayakan ICT di kalangan pelajar.
- c. Berdasarkan Para 3 *Letter of Award* (LOA) yang dikeluarkan oleh KPerak kepada syarikat, sejumlah RM2.50 juta setahun akan dibayar kepada syarikat yang dilantik untuk mengendalikan program EzLearn2U. Syarikat akan memuat naik video pembelajaran yang melibatkan tenaga pengajar berpengalaman dari semasa ke semasa dan memberikan kod pengguna kepada pelajar dan guru untuk mengakses portal EzLearn2U. Sehingga 4 Februari 2015 sejumlah 3,514 video telah dimuat naik di portal EzLearn2U. *Letter of Award* turut menetapkan bayaran yang dikenakan kepada KPerak adalah berdasarkan caj terhadap bilangan pelajar Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan tingkatan 1 hingga 6 berjumlah 237,000 orang di semua sekolah kebangsaan dan menengah di Negeri Perak. Selain itu, caj juga termasuk bilangan guru berjumlah 18,000 orang. Mengikut maklumat Jabatan

Pendidikan Negeri (JPN), bilangan sekolah kebangsaan dan menengah tahun 2013 di Negeri Perak adalah 1,080 buah. Semakan Audit terhadap senarai penerima *Identification Details* (ID) EzLearn2U tahun 2013 yang diberikan oleh Syarikat kepada KPerak mendapati jumlah sekolah kebangsaan dan menengah yang menerima kod pengguna yang terdiri dari ID dan kata laluan hanya 1,049 buah berbanding jumlah sebenar sekolah berdasarkan rekod JPN ialah 1,080 buah sekolah seperti di **Jadual 3.6**. Perbezaan ini adalah disebabkan tiada semakan terperinci dan pemantauan daripada pihak KPerak terhadap senarai penerima ID tersebut sebelum syarikat menyerahkannya kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk diedarkan ke sekolah. Kesannya menyebabkan tidak semua sekolah menerima kod pengguna dan berpeluang mengakses portal EzLearn2U.

**Jadual 3.6**  
**Maklumat Jumlah Sekolah Di Negeri Perak Tahun 2013**

Bil.	Kategori Sekolah	Jumlah Sekolah Oleh JPN	Jumlah Sekolah Yang Menerima Kod Pengguna	Perbezaan Lebih/(Kurang)
1.	Sekolah Rendah	844	812	(32)
2.	Sekolah Menengah	236	237	1
<b>Jumlah</b>		<b>1,080</b>	<b>1,049</b>	<b>(31)</b>

Sumber: KPerak Implementation And Coordination Corporation dan JPN

- d. **Mengikut maklum balas daripada KPerak bertarikh 11 Mei 2015, jumlah pelajar yang diberikan kepada KPerak oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) adalah berdasarkan data semasa pada ketika itu. Pihak JPN sebagai pembekal data adalah pihak bertanggungjawab untuk memastikan data yang dibekalkan adalah sahih dan terkini. Bagi menambahbaik program ini, KPerak telah mengadakan sesi perbincangan dengan Bahagian Kualiti JPN. Satu perbincangan lanjut yang melibatkan Exco berkaitan, KPerak, JPN, Pejabat Pendidikan Daerah dan pembekal akan dilaksanakan.**

#### 3.4.2.2. Tiada Capaian Penggunaan Program EzLearn2U Oleh Kumpulan Sasaran

- a. Berdasarkan LOA yang ditandatangan pada 18 Februari 2013 dan 24 Januari 2014, semua pelajar UPSR dan tingkatan 1 hingga 6 seramai 237,000 dan 18,000 orang guru di semua sekolah di Negeri Perak yang menerima kod pengguna daripada JPN melalui KPerak boleh mengakses portal EzLearn2U dengan inisiatif sendiri di mana-mana tempat yang mempunyai kemudahan internet yang berkelajuan optimum 1 *Megabyte* (MB). Bagi mendapatkan maklum balas daripada kumpulan sasaran, pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada pelajar, temu duga terhadap Guru Besar dan Pengetua semasa lawatan Audit dan mendapatkan maklum balas Guru Besar, Pengetua atau Guru ICT melalui telefon terhadap sampel sekolah iaitu 10% dari 70 buah sekolah rendah dan 37 buah sekolah menengah di bandar Ipoh. Hasil daripada sampel berkaitan, pihak Audit mendapati para pelajar terbabit tidak

mengetahui, tidak pernah mengakses dan menggunakan portal EzLearn2U. Analisis soal selidik dan maklum balas temu duga seperti di **Jadual 3.7** dan **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.7**  
**Keputusan Soal Selidik**

Bil.	Nama Sekolah	Kategori Sampel Pelajar	Bilangan Pelajar	Keputusan Soal Selidik Kepada Sampel Pelajar	Maklum balas Dari Temu duga Semasa Lawatan Audit Terhadap Guru Besar/ Pengetua
1.	Sekolah Kebangsaan Convent Ipoh	Tahun 5	54	Pelajar tidak mengetahui dan tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.	Guru Besar mengesahkan Sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.
2.	Maahad Al-Imam Asy Syafiee	Tingkatan 4 Tingkatan 5	28 27	Pelajar tidak mengetahui dan tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.	Pengetua mengesahkan Sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Jelapang Jaya	Tingkatan 4	79	Pelajar tidak mengetahui dan tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.	Pelajar tidak mengetahui dan tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.
<b>Jumlah</b>		<b>188</b>			

Sumber: Borang Soal Selidik dan Maklum Balas Temu duga Jabatan Audit Negara

**Jadual 3.8**  
**Maklum Balas Daripada Pihak Sekolah**

Bil.	Nama Sekolah	Maklum balas Temu duga Melalui Telefon Terhadap Guru Besar/ Pengetua/ Guru ICT/ Guru Media
1.	Sekolah Kebangsaan Sri Kinta	Guru Besar tidak mengetahui dan mengesahkan sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.
2.	Sekolah Kebangsaan Jelapang Jaya	Guru Besar mengesahkan menghadiri Majlis Pelancaran Program EzLearn2U Tahun 2013 tetapi sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.
3.	Sekolah Dato' Ahmad Said Tambahan	Guru Besar mengesahkan menghadiri Majlis Pelancaran Program EzLearn2U Tahun 2013 tetapi sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.
4.	Sekolah Kebangsaan Dato' Panglima Kinta	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru Besar mengesahkan sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.</li> <li>- Guru ICT tidak mengetahui dan mengesahkan sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.</li> </ul>
5.	Sekolah Kebangsaan Raja Perempuan	Guru Media mengesahkan menghadiri Majlis Pelancaran Tahun 2013 tetapi sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.
6.	Sekolah Kebangsaan Manjoi (2)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Guru Besar tidak mengetahui Program EzLearn2U.</li> <li>- Guru ICT mengesahkan menghadiri Majlis Pelancaran</li> </ul>

Bil.	Nama Sekolah	Maklum balas Temu duga Melalui Telefon Terhadap Guru Besar/ Pengetua/ Guru ICT/ Guru Media
		Tahun 2013, latihan di sekolah diberikan kepada Pelajar Tahun 6 hanya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu selama 3 bulan. Selepas 3 bulan sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.
7.	Sekolah Menengah Kebangsaan Ave Maria Convent	Pengetua tidak mengetahui dan mengesahkan sekolah tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.

Sumber: Maklum Balas Secara Lisan Melalui Telefon

- b. Selain itu, maklum balas dengan pihak sekolah melalui telefon terhadap sekurang-kurangnya 10% sampel atau 29 buah sekolah merangkumi sekolah rendah dan menengah masing-masing berjumlah 136 dan 142 di daerah Hilir Perak dan Larut Matang Selama mendapat perkara seperti berikut:
  - i. Enam belas (16) sekolah rendah dan 4 sekolah menengah tidak mengetahui dan tidak pernah menggunakan Program EzLearn2U.
  - ii. Enam (6) sekolah rendah dan 3 sekolah menengah hanya mengetahui tetapi tidak menggunakan Program EzLearn2U selepas pelancaran.
  - iii. Program EzLearn2U didapati tiada capaian di kalangan pelajar dan guru disebabkan capaian internet yang perlahan menyukarkan pengguna mengakses video pembelajaran dan latihan penggunaan EzLearn2U tidak menyeluruh kepada semua daerah dan guru yang terlibat.
- c. Kegagalan capaian program EzLearn2U oleh kumpulan sasaran mengakibatkan objektif memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kendiri melalui tuisyen *online* tidak tercapai dan sejumlah RM5 juta bayaran yang dibelanjakan oleh KPerak bagi tahun 2013 hingga 2014 adalah untuk perkhidmatan yang tidak dimanfaatkan.
- d. **Mengikut maklum balas daripada KPerak bertarikh 11 Mei 2015, KPerak akan membuat lawatan terus ke sekolah secara rawak dan berkala untuk memastikan program ini digunakan oleh pihak sekolah bergantung pada kelulusan dan kebenaran JPN kepada KPerak untuk berurus terus ke sekolah-sekolah. Satu jawatankuasa pemantau program yang terdiri daripada Exco Kerajaan Negeri, KPerak, JPN dan pembekal akan ditubuhkan bagi memastikan program EzLearn2u diteruskan sebagai salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan penggunaan ICT dalam pembelajaran jarak jauh.**

### 3.4.2.3. Tiada Kajian Keperluan Sekolah

- a. Berdasarkan caj bayaran KPerak bagi perkhidmatan tuisyen *online*, tuisyen ini adalah melibatkan semua murid UPSR dan tingkatan 1 hingga 6 seramai 237,000 dan 18,000 orang guru di semua sekolah di Negeri Perak. Semakan Audit mendapati tiada sebarang kajian keperluan sekolah dilaksanakan bagi memastikan semua kumpulan sasaran mempunyai kemudahan dan peluang akses internet sama ada di sekolah atau di luar waktu persekolahan. Semakan Audit turut mendapati caj bayaran oleh KPerak adalah termasuk 28 buah sekolah orang asli yang berada di pedalaman dan mengalami masalah capaian kemudahan internet. Maklumat pelajar di sekolah orang asli melibatkan 944 orang yang menerima kod pengguna EzLearn2U bagi 6 daerah adalah seperti di **Jadual 3.9**.

**Jadual 3.9**  
**Bilangan Sekolah Orang Asli Dan Pelajar Yang Termasuk  
Dalam Caj Bayaran Perkhidmatan Program EzLearn2U**

Bil.	Daerah	Jumlah Sekolah	Jumlah Pelajar Tahun 6 Yang Menerima Kod Pengguna
1.	Batang Padang	8	288
2.	Kuala Kangsar	8	279
3.	Kinta Utara	2	67
4.	Kinta Selatan	3	47
5.	Hulu Perak	4	195
6.	Perak Tengah	3	68
<b>Jumlah</b>		<b>28</b>	<b>944</b>

Sumber: JPN Dan KPerak Implementation And Coordination Corporation

- b. Akibat tiada kajian keperluan tersebut, kemudahan infrastruktur sedia ada di sekolah tidak diambil kira sebelum program EzLearn2U dilaksanakan. Selain itu, tiada kajian keperluan program memandangkan sekolah telah mempunyai dan menjadikan VLE di bawah program 1BestariNet sebagai salah satu kelas ICT di sekolah.
- c. **Mengikut maklum balas daripada KPerak bertarikh 11 Mei 2015, EzLearn2U adalah program untuk membantu murid di dalam pembelajaran melalui talian terus dengan menggunakan video tetapi 1BestariNet lebih kepada kandungan Virtual Learning yang tidak melibatkan video.**

### 3.4.2.4. Kelemahan Pentadbiran Kontrak

- a. Penyediaan perjanjian kontrak formal selepas LOA dikeluarkan adalah penting bagi memastikan terma rujukan perjanjian lengkap dengan klausa-klausa yang boleh menjamin kepentingan Kerajaan bagi mengelakkan sebarang permasalahan berlaku sekiranya wujud percanggahan atau pelanggaran syarat oleh pihak syarikat. Semakan Audit mendapati sejak tahun 2007 hingga 2015, KPerak melantik Syarikat

Star Vitalnet Technology Sdn. Bhd. secara lantikan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM17.60 juta melalui LOA yang dikeluarkan secara tahunan seperti di **Jadual 3.10**.

- b. **Mengikut maklum balas daripada KPerak bertarikh 11 Mei 2015, dari tahun 2013 hingga 2014 KPerak meneruskan program melalui pemberian kontrak seperti yang dipraktikkan tahun-tahun sebelumnya. KPerak akan menyediakan perjanjian kontrak dengan pembekal berdasarkan penggunaan dan keperluan program EzLearn2u sesuai dengan keperluan semasa pendidikan pelajar di Negeri Perak.**

**Jadual 3.10**  
**Maklumat Berkaitan *Letter of Award* dan Jumlah Bayaran**  
**Kepada Syarikat Star Vitalnet Technology Sdn. Bhd.**

Bil.	Program	Tahun	Tarikh LOA	Nilai Kontrak (RM Juta)
1.	Bengkel Kecemerlangan <i>Mind Mapping</i>	2007	08.06.2007	0.90
			04.05.2007	1.77
		2008	24.01.2008	1.93
		2009	23.06.2009	0.50
			20.02.2009	1.99
		2010	05.02.2010	3.00
2.	Program EzLearn2U	2013	18.02.2013	2.50
		2014	24.01.2014	2.50
		2015	04.02.2015	2.50
<b>Jumlah</b>				<b>17.60</b>

Sumber: KPerak Implementation And Coordination Corporation

- c. Semakan Audit turut mendapati bayaran akhir bagi tahun 2013 dan 2014 masing-masing berjumlah RM500,000 telah dibuat oleh KPerak pada 18 November 2013 dan 3 Oktober 2014 kepada syarikat yang dilantik. Bagaimanapun tiada sebarang Laporan Akhir diserahkan oleh pihak syarikat kepada KPerak seperti yang dinyatakan dalam LOA. Selain itu, pihak Audit mendapati KPerak tidak mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) yang lengkap berkaitan peraturan perolehan dan pentadbiran kontrak.
- d. **Mengikut maklum balas daripada KPerak bertarikh 11 Mei 2015, KPerak dalam proses menambah baik SOP perolehan dan kontrak yang sedia ada. *Standard Operating Procedures* yang dirangka ini melibatkan pengurusan projek setiap unit KPerak dan proses perolehannya mengikut kesesuaian penubuhan dan matlamat KPerak.**


Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian program EzLearn2U adalah tidak memuaskan kerana tiada capaian atau penggunaan oleh kumpulan yang disasarkan. Selain itu, pemantauan KPerak terhadap pelaksanaan program kurang memuaskan menyebabkan pembayaran dibuat terhadap perkhidmatan yang tidak digunakan.

### **3.4.3. Kelemahan Pengurusan Program KPerak Media Channel**

#### **3.4.3.1. Pengurusan Pemasangan TV**

- a. KPerak Media *Channel* merupakan satu program inisiatif yang diluluskan Lembaga Pemegang Amanah KPerak melalui Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Bilangan 1 Tahun 2013 pada 1 November 2013 dengan memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi menjayakan pelaksanaan program untuk tahun 2014 bermula 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Bagi melaksanakan program, KPerak telah melantik Syarikat Chester Phila Sdn. Bhd. secara lantikan terus melalui LOA yang akan diperbaharui setiap tahun untuk membekalkan 100 unit televisyen (TV). Selain itu, pihak syarikat juga terlibat dengan penyediaan dan pemasangan lain-lain peralatan media digital seperti *media player*, penyediaan dan sewaan talian internet, perisian *indoor digital media* (IDM), membangun, mengurus dan memuat naik kandungan TV media *channel* dan membuat kerja-kerja penyelenggaraan berkala. Objektif program adalah mewujudkan satu medium hebahan bagi mempromosi aktiviti yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, menyalurkan maklumat am dan isu-isu semasa yang berkaitan Kerajaan Negeri dan Institusi Diraja dan mewujudkan kesedaran dan kesetiaan kepada pihak Institusi Diraja dan Kerajaan Negeri.
- b. Berdasarkan Lampiran 2, Spesifikasi Kerja yang dilampirkan bersama LOA menetapkan saiz TV yang dibekalkan adalah 42" dari jenis *Light Emitting Diode* (LED) atau *Liquid Crystal Display* (LCD). Lawatan Audit pada 10 dan 11 Februari 2015 terhadap 43 unit sampel TV daripada jumlah keseluruhan iaitu 100 unit mendapati hanya 6 unit TV yang dibekalkan oleh syarikat menepati saiz 42". Semakan Audit mendapati baki 6 unit TV adalah bersaiz 32" di mana 4 unit daripadanya jenis *Large Format Display* (LFD) dan 2 unit adalah jenis (LED). Manakala 31 unit lagi bersaiz 40" jenis LFD tidak mengikut spesifikasi saiz dan jenis yang ditetapkan. Penukaran saiz TV oleh pihak syarikat adalah disebabkan ruang lokasi TV yang sempit dan masalah sistem pendawaian elektrik yang tidak sesuai. Selain itu, penukaran jenis TV daripada LED kepada LFD adalah untuk mengelakkan TV Media KPerak ditukar kepada saluran TV biasa. Ini mengakibatkan KPerak telah menanggung kos perolehan TV yang tinggi dari yang sepatutnya memandangkan bayaran sejumlah RM1 juta oleh KPerak adalah untuk 100 unit TV bersaiz 42". Pihak Audit mendapati tiada sebarang pelarasian harga ke atas perubahan spesifikasi TV.

- c. Mengikut maklum balas daripada KPerak bertarikh 11 Mei 2015, penukaran saiz TV adalah atas sebab keperluan keselamatan dan estetik premis seperti lokasi tidak mempunyai dinding yang kukuh dan untuk mengelakkan gangguan kepada pengunjung kerana keadaan premis yang sempit. Tiada pelarasian harga dibuat memandangkan harga TV LFD Samsung bersaiz 40" adalah lebih tinggi berbanding cadangan asal dan Syarikat telah bersetuju untuk tidak mengenakan caj tambahan.
  
- d. Semakan Audit turut mendapati terdapat TV yang dipasang di lokasi yang tidak sesuai seperti berikut:
  - i. Terdapat 3 unit TV yang terdiri daripada KPerak Media Channel dan 2 unit TV daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di Kaunter Khidmat Pelanggan SUK seperti **Gambar 3.1**. Pihak Audit difahamkan pintu utama berhampiran TV tersebut telah ditutup dan tidak digunakan sebagai laluan utama.
  
  - ii. KPerak telah memasang TV di tempat yang tidak sesuai di ruangan bekerja Pejabat Kewangan Negeri (PKN).
  
  - iii. Bagi pemasangan TV di ruang bekerja Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU), pihak Audit dimaklumkan TV yang dibekalkan kerap berlaku gangguan siaran kerana masalah talian internet.



**Gambar 3.1**  
**Lokasi Tidak Sesuai**  
**Kaunter Khidmat Pelanggan Pejabat SUK**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Pejabat Kewangan Negeri  
 Tarikh: 10 Februari 2015

- e. Lawatan Audit pada 10 Februari 2015 dan 11 Februari 2015 mendapati 3 unit daripada sampel 43 unit TV yang telah dipasang tetapi dibuka semula disebabkan masalah ketidaksesuaian lokasi dan pengubahsuaian bangunan. Semakan Audit mendapati walaupun TV media KPerak tidak beroperasi, caj penggunaan servis internet (*broadband*) sejumlah RM70 sebulan bagi 1 unit TV masih dibayar. Ini disebabkan caj servis internet berjumlah RM84,000 setahun bagi 100 unit TV telah dikira dalam kos program yang berjumlah RM1 juta setahun.

- f. Semakan Audit terhadap LOA dan *Appendix B* Perjanjian Kontrak yang ditandatangan antara KPerak dan Syarikat Chester Phila Sdn. Bhd. yang bertarikh 24 Disember 2013 menetapkan tempoh program adalah satu tahun mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 10 Februari 2015 mendapati 5 unit TV dipasang selepas tempoh yang ditetapkan iaitu pada bulan Februari 2015 dan 1 unit lagi masih belum dipasang dan disimpan dalam kotak.
- g. Ketiadaan perancangan awal yang terperinci oleh KPerak menyebabkan pemasangan TV di beberapa lokasi didapati kurang dimanfaatkan sepenuhnya dan tiada pemantauan oleh pihak KPerak bagi memastikan TV dipasang dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, tiada kajian dan tinjauan terhadap media digital sedia ada dan kajian impak pengguna dilaksanakan oleh syarikat seperti yang dinyatakan di dalam kertas cadangan program.
- h. **Mengikut maklum balas daripada KPerak bertarikh 11 Mei 2015, lokasi pemasangan TV adalah bergantung kepada hasil perbincangan antara pihak Syarikat dan penyelia premis yang perlu mengambil kira keperluan strategik dan bilangan penonton yang dijangka akan mendapat manfaat daripada pemasangan TV tersebut. Lokasi pemasangan bukan di bawah bidang kuasa KPerak kerana melibatkan kelulusan daripada pihak pengurusan atasan premis, keadaan struktur bangunan dan kerja-kerja pemasangan dalam masa terdekat. Kajian impak pengguna 2014 sedang dirancang untuk dilaksanakan. Selain itu, KPerak akan membuat lawatan ke lokasi terbabit untuk memastikan pemasangan dibuat mengikut persetujuan.**

#### **3.4.3.2. Caj Operasi KPerak Media Channel**

- a. Berdasarkan Lampiran 2, Spesifikasi Kerja yang dilampirkan bersama LOA menetapkan sejumlah RM84,000 setahun perlu dibayar oleh KPerak bagi caj servis internet (*broadband*). Tujuan penggunaan servis internet adalah untuk memuat naik kandungan media ke dalam TV. Semakan Audit mendapati tiada klausa terperinci berkaitan caj operasi yang terlibat selepas tempoh setahun pemasangan bagi memastikan TV boleh beroperasi sepenuhnya. Antara caj operasi yang terlibat adalah seperti caj bulanan servis internet termasuk tahap kelajuan, caj penyelenggaraan peralatan dan caj pembangunan serta pengurusan kandungan media. Ketiadaan klausa terperinci di dalam perjanjian menyebabkan tiada jaminan TV beroperasi selepas tamat tempoh kontrak.
- b. **Mengikut maklum balas daripada KPerak bertarikh 11 Mei 2015, caj berjumlah RM70 sebulan adalah merujuk kepada perkhidmatan pasca pemasangan yang melibatkan pemantauan berterusan oleh Syarikat terhadap prestasi peralatan sepanjang tempoh beroperasi. KPerak akan meminta pihak Syarikat menyediakan laporan berkala bagi kerja-kerja yang dijalankan sepanjang tempoh projek.**

Pada pendapat Audit, pengurusan program KPerak Media *Channel* adalah kurang memuaskan kerana pengurusan pemasangan TV tidak teratur dan tiada kajian keperluan dan impak pengguna dilaksanakan. Selain itu, tiada pemantauan oleh KPerak terhadap pelaksanaan program.

### 3.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan projek KPerak adalah kurang memuaskan. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan, pengurusan KPerak dan Pejabat Kewangan Negeri adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

**3.5.1.** Membuat kajian terperinci bagi pelaksanaan sesuatu projek atau program supaya berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan.

**3.5.2.** Menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) berkaitan pengurusan kewangan dengan lengkap dan perjanjian kontrak disediakan bagi semua projek yang melibatkan pihak ketiga. Semua pinjaman yang diberikan kepada usahawan teknologi hendaklah dikutip balik dengan kadar segera.

**3.5.3.** Pejabat Kewangan Negeri dan KPerak hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap semua projek dan program yang dilaksanakan melalui geran Kerajaan bagi memastikan setiap projek mendapat *value for money*.

---

## **PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK**

---

### **4. LADANG LEKIR SDN. BHD.**

#### **4.1. LATAR BELAKANG**

**4.1.1.** Ladang Lekir Sdn. Bhd. (LLSB) telah ditubuhkan pada 20 Ogos 1976 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965. Sehingga Disember 2014, modal dibenarkan LLSB ialah RM25 juta dan modal berbayar ialah RM22.28 juta. Ladang Lekir Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang dimiliki 100% oleh Perak Agro Oil Palm Sdn. Bhd. (PAOPSB) di mana PAOPSB merupakan sebuah syarikat subsidiari kepada Perak Agro Corporation Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP). Ladang Lekir Sdn. Bhd. ditubuhkan dengan tujuan menjadi penggerak utama pertumbuhan industri pertanian negeri Perak terutamanya dalam bidang perladangan kelapa sawit.

**4.1.2.** Syarikat LLSB memiliki 2 buah ladang kelapa sawit iaitu Ladang Sungai Selinsing (LSS) di Tapah dengan keluasan 626.8 hektar dan Ladang Gelong Gajah (LGG) di Beruas dengan keluasan 845.7 hektar. Selain itu, Ladang Lekir Sdn. Bhd. ada membuat pelaburan dalam bidang perladangan kelapa sawit di Palembang, Indonesia melalui anak syarikatnya iaitu PT. Pinang Witmas Sejati (PTPWS). Sehingga Disember 2014, Ladang Lekir Sdn. Bhd. mempunyai pegangan saham sebanyak 60% dalam PTPWS.

**4.1.3.** Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad, LLSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Perak dan Kementerian Kewangan berkaitan syarikat dari semasa ke semasa serta arahan dan peraturan yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah LLSB.

**4.1.4.** Syarikat LLSB mempunyai 3 Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu Dato' Mohd Khusairi Bin Abdul Talib selaku Pengerusi dan 2 wakil daripada PPPNP iaitu Dato' Ahmad Rizal Bin Abdul Rahman sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Encik Abdul Ghani Bin Ismail sebagai Pengurus Unit Perbendaharaan. Mulai tahun 2009, Ladang Lekir Sdn. Bhd. telah melantik Perak Agro Management Services Sdn. Bhd. (PAMSSB) untuk mengurus dan menyelia ladang-ladang LLSB dengan membayar yuran pengurusan kepada PAMSSB pada kadar RM30 sehektar sebulan atau minimum RM5,000 sebulan dan perkongsian keuntungan pada kadar 2.5% daripada hasil keuntungan ladang setahun.

**4.1.5.** Pengauditan di LLSB pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak tahun 2007. Beberapa kelemahan telah dilaporkan dan pihak Audit telah mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh pihak LLSB. Antara kelemahan yang dilaporkan adalah kadar *oil extraction rate* (OER) adalah lebih rendah daripada kadar OER Semenanjung Malaysia, sebahagian kawasan ladang kelapa sawit di LGG ditenggelami air, pengurusan operasi di Lawan Kuda Tropical Fish Industrial Sdn. Bhd tidak memuaskan dan mengalami kerugian serta rancangan korporat yang disediakan tidak lengkap. Selain itu, pihak Audit telah mengesyorkan program penanaman sawit dilaksanakan memandangkan usia pokok telah mencapai 25 tahun di kedua-dua buah ladang. Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2015 ini, didapati tindakan penambahbaikan telah diambil terhadap isu yang dibangkitkan dan program penanaman semula juga telah dijalankan mulai tahun 2011.

#### **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan LLSB adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

#### **4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus LLSB. Semakan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan bagi tahun 2011 hingga 2014 serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, 2012 dan 2013. Analisis kewangan merangkumi analisis trend dan nisbah yang dilaksanakan ke atas maklumat kewangan dan bukan kewangan syarikat untuk tempoh 3 tahun. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai yang berkaitan serta lawatan Audit ke ladang kelapa sawit milik LLSB iaitu LSS dan LGG turut dilakukan. Selain itu, lawatan Audit turut dilakukan di Palembang, Indonesia pada 13 hingga 16 April 2014. *Exit Conference* bersama Ketua Eksekutif Kumpulan PPPNP telah diadakan pada 29 April 2015 yang turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan wakil Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

#### **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2015 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan bagi tahun 2011 hingga 2013 LLSB adalah baik. Bagaimanapun, bagi tempoh tersebut LLSB telah mencatatkan penurunan keuntungan bersih pada setiap tahun iaitu RM34.01 juta pada tahun 2011, RM21.32 juta pada tahun 2012 dan RM10.47 juta pada tahun 2013. Keuntungan terkumpul LLSB pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM111.54 juta. Berdasarkan nisbah-nisbah yang dianalisis, kedudukan aset dan liabiliti LLSB adalah baik di mana LLSB mampu menyelesaikan hutang jangka pendeknya dan LLSB juga berkemampuan untuk memberi pulangan kepada

pemegang sahamnya. Manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan seperti dalam perenggan-perenggan berikut:

- Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) tidak mencapai sasaran ditetapkan dan di bawah purata negara.
- Seluas 110 daripada 296 hektar atau 37.2% kawasan Fasa III Tahun 2013 di LSS masih belum bertanam.
- Kerja-kerja membaja dan meracun lewat dijalankan.

#### **4.4.1. Prestasi Kewangan**

##### **4.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Bagi tahun 2011 hingga 2013, prestasi kewangan LLSB adalah baik di mana LLSB memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi tiga tahun berturut-turut. Keuntungan terkumpul LLSB bagi tahun 2011 adalah berjumlah RM79.76 juta, tahun 2012 berjumlah RM101.07 juta dan bagi tahun 2013 berjumlah RM111.54 juta. Berdasarkan kepada penyata kewangan beraudit LLSB bagi tahun 2011 hingga 2013, keuntungan sebelum zakat dan cukai LLSB pada tahun 2011 berjumlah RM37.98 juta dan menurun dengan ketara sebanyak 37.9% kepada RM23.6 juta pada tahun 2012. Keuntungan sebelum zakat dan cukai LLSB terus menurun pada tahun 2013 sebanyak 26.9% kepada RM17.25 juta. Keuntungan sebelum zakat dan cukai menurun pada tahun 2012 dan 2013 disebabkan penurunan dalam pendapatan terutamanya daripada hasil jualan buah kelapa sawit dan juga penerimaan dividen daripada PTPWS. Selain itu peningkatan dalam belanja operasi, perbelanjaan zakat dan perbelanjaan cukai juga menyumbang kepada penurunan keuntungan sebelum cukai LLSB.
- b. Pendapatan utama LLSB adalah daripada hasil jualan buah tandan segar (BTS). Selain itu, LLSB juga memperoleh pendapatan daripada hasil dividen anak syarikatnya iaitu PTPWS, hasil faedah, hasil sewa dan juga pelbagai pendapatan lain. Jumlah pendapatan LLSB pada tahun 2012 adalah sejumlah RM27.76 juta menurun sejumlah RM15.86 juta iaitu 36.4% daripada RM43.62 juta pada tahun 2011. Pada tahun 2013, jumlah pendapatan terus menurun sejumlah RM2.77 juta kepada RM24.99 juta dengan penurunan sebanyak 10.0%. Penurunan ini adalah disebabkan kawasan matang berkeluasan 1,392.2 hektar yang mengeluarkan BTS semakin mengecil disebabkan oleh kerja-kerja penanaman semula pokok kelapa sawit. Pokok kelapa sawit yang baru ditanam mengambil masa 36 bulan untuk matang dan mengeluarkan hasil. Kawasan yang terlibat dalam penanaman semula kelapa sawit pada tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing adalah seluas 357.8 hektar, 145 hektar dan 421.4 hektar di kedua-dua ladang. Selain itu, penurunan

penerimaan dividen daripada PTPWS juga menyumbang kepada penurunan pendapatan LLSB. Pada tahun 2011, LLSB menerima dividen yang berjumlah RM32.76 juta dan menurun dengan ketara sebanyak 35.7% pada tahun 2012 menjadikan dividen diterima berjumlah RM21.06 juta. Jumlah dividen yang diterima pada tahun 2013 juga semakin menurun iaitu hanya RM19.66 juta dengan penurunan sebanyak 6.6%.


- c. Perbelanjaan LLSB adalah terdiri daripada belanja operasi dan perbelanjaan pengurusan. Belanja operasi terdiri daripada perbelanjaan pengurusan di ladang dan perbelanjaan bagi tanaman kelapa sawit. Jumlah perbelanjaan LLSB pada tahun 2012 menunjukkan penurunan iaitu sejumlah RM1.48 juta atau 26.2% daripada RM5.64 juta pada tahun 2011 kepada RM4.16 juta. Manakala jumlah perbelanjaan pada tahun 2013 telah meningkat iaitu sejumlah RM3.58 juta atau 86.1% kepada RM7.74 juta. Analisis Audit mendapati penurunan perbelanjaan pada tahun 2012 disebabkan oleh penurunan belanja operasi LLSB seperti perbelanjaan bagi kerja memotong dan mengutip hasil, perbelanjaan menyulam, membanci dan pelbagai serta pengangkutan luar. Manakala peningkatan perbelanjaan pada tahun 2013 disebabkan oleh kerja-kerja penanaman semula kelapa sawit menyebabkan kenaikan terhadap perbelanjaan bagi kerja membaja, menebang dan membersih kawasan serta membina parit.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan bersih LLSB bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.1, Carta 4.1 dan Carta 4.2**.

**Jadual 4.1**  
**Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Bersih LLSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Butiran	Tahun		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan	9.22	4.39	2.53
Perbelanjaan Operasi	(1.70)	(1.12)	(5.17)
<b>Untung/(Rugi) Kasar</b>	<b>7.52</b>	<b>3.27</b>	<b>(2.64)</b>
Pendapatan Lain	34.40	23.37	22.46
Perbelanjaan Pentadbiran	(3.94)	(3.04)	(2.57)
<b>Keuntungan Sebelum Zakat Dan Cukai</b>	<b>37.98</b>	<b>23.60</b>	<b>17.25</b>
Zakat	(1.23)	(2.02)	(2.53)
Cukai	(2.05)	(0.26)	(4.25)
Keuntungan Selepas Zakat Dan Cukai	34.70	21.32	10.47
Rizab Tanaman Semula	(0.69)	-	-
<b>Untung Bersih</b>	<b>34.01</b>	<b>21.32</b>	<b>10.47</b>
<b>Untung Bersih Terkumpul</b>	<b>79.76</b>	<b>101.07</b>	<b>111.54</b>

Sumber: Penyata Kewangan LLSB

**Carta 4.1**  
**Trend Keuntungan Sebelum Cukai LLSB Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan LLSB

**Carta 4.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan LLSB Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan LLSB

#### 4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan LLSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan LLSB bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2011	2012	2013
1.	Nisbah Semasa	24.47:1	34.37:1	39.28:1
2.	Margin Untung Bersih %	87	85	69
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.31:1	0.17:1	0.08:1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	1.53:1	0.96:1	0.47:1

Sumber: Penyata Kewangan LLSB

##### a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan LLSB iaitu sejauh mana LLSB berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Analisis Audit mendapati nisbah semasa LLSB adalah melebihi kadar 2 iaitu 24.47:1 pada tahun 2011, 34.37:1 pada tahun 2012 dan 39.28:1 pada tahun 2013. Peningkatan tahap kecairan yang ditunjukkan pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh peningkatan sejumlah RM20.66 juta dalam deposit, tunai dan baki di bank serta penurunan dalam pelbagai pembiutang dan belanja terakru berjumlah RM0.83 juta. Kadar nisbah semasa pada tahun 2013 meningkat disebabkan oleh peningkatan sejumlah RM16.34 juta dalam amaun terhutang daripada syarikat berkaitan serta penurunan dalam amaun terhutang

kepada PPPNP yang berjumlah RM0.37 juta. Kedudukan nisbah yang semakin meningkat ini menunjukkan LLSB mempunyai keciran yang mencukupi dan berupaya menampung keseluruhan tanggungan semasa.

**b. Margin Untung Bersih**

Margin Untung Bersih digunakan untuk mengukur keupayaan LLSB dalam memperoleh untung bersih daripada setiap ringgit hasil daripada aktiviti utama LLSB. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan LLSB di mana setiap ringgit kenaikan hasil memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan LLSB. Analisis Audit mendapati margin keuntungan LLSB menurun pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 iaitu daripada 87 sen kepada 85 sen dan semakin menurun pada tahun 2013 iaitu kepada 69 sen. Penurunan margin keuntungan pada tahun 2012 dan 2013 adalah disebabkan oleh pengurangan dalam pendapatan iaitu pengurangan masing-masing sebanyak 10% dan 36.4% menjadi RM27.76 juta dan RM24.98 juta daripada RM43.62 juta pada tahun 2011.

**c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang diguna bagi menilai kecekapan LLSB menggunakan aset untuk menjana keuntungan. Peratusan yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan LLSB menjana keuntungan manakala peratusan yang rendah menunjukkan ketidakcekapan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset LLSB menunjukkan penurunan iaitu daripada 31 sen kepada 17 sen dan seterusnya 8 sen masing-masing pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Penurunan ini disebabkan oleh jumlah pendapatan yang menurun mempengaruhi keuntungan selepas cukai LLSB dan menyebabkan penurunan kadar pulangan atas aset LLSB. Walaupun kadar pulangan ke atas aset LLSB menunjukkan prestasi penurunan bagi tempoh 3 tahun, namun ia masih menunjukkan kadar positif.

**d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur kecekapan LLSB menjana pendapatan kepada pemegang saham. Peratusan yang tinggi menunjukkan LLSB berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti LLSB menunjukkan penurunan iaitu 1.53:1, 0.96:1 dan 0.47:1 masing-masing bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Penurunan ini disebabkan oleh jumlah pendapatan menurun setiap tahun disamping peningkatan perbelanjaan yang ketara mempengaruhi keuntungan selepas cukai LLSB. Walaupun kadar pulangan ke atas ekuiti semakin menurun, LLSB masih mempunyai keupayaan untuk membayar dividen kepada pemegang sahamnya.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan LLSB pada tahun 2011 hingga 2013 adalah baik walaupun LLSB mengalami penurunan keuntungan pada tahun 2012 dan 2013 berbanding tahun 2011 namun pada masa yang sama LLSB masih mempunyai keuntungan terkumpul yang tinggi. Selain itu, LLSB juga mampu menyelesaikan hutang jangka pendeknya dan berkemampuan untuk memberi pulangan kepada pemegang sahamnya.

#### **4.4.2. Pengurusan Aktiviti**

**4.4.2.1.** Aktiviti utama syarikat LLSB adalah dalam bidang perladangan kelapa sawit. Sehingga Disember 2014, LLSB memiliki 2 buah ladang kelapa sawit iaitu Ladang Sungai Selinsing (LSS) di Tapah dengan keluasan 626.8 hektar dan Ladang Gelong Gajah (LGG) di Beruas dengan keluasan 845.7 hektar.

**a. Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) Tidak Mencapai Sasaran Ditetapkan Dan Di Bawah Purata Negara**

- i. Ladang Lekir Sdn. Bhd. telah menetapkan jumlah BTS yang dikeluarkan oleh setiap ladang dalam Bajet Tahunan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Kumpulan PPPNP setiap tahun bagi menentukan pendapatan syarikat tidak terjejas dan dapat menampung kos pengeluaran setiap ladang. Semakan Audit terhadap Penyata Laporan Bulanan LSS dan LGG mendapati pengeluaran BTS berbanding sasaran mengikut ladang bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Pengeluaran BTS Ladang Berbanding Sasaran**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Ladang LLSB	<b>Pengeluaran BTS(Tan Metrik/Tahun)</b>		<b>Pencapaian (%)</b>
	<b>Sasaran</b>	<b>Sebenar</b>	
<b>2012</b>			
LSS	3,775.0	3,677.3	97.4
LGG	3,960.0	4,194.3	105.9
<b>Jumlah</b>	<b>7,735.0</b>	<b>7,871.6</b>	<b>101.8</b>
<b>2013</b>			
LSS	750.0	2,004.5	267.3
LGG	3,051.0	4,321.7	141.6
<b>Jumlah</b>	<b>3,801.0</b>	<b>6,326.2</b>	<b>166.4</b>
<b>2014</b>			
LSS	1,020.0	669.0	65.5
LGG	3,468.5	2,742.2	79.1
<b>Jumlah</b>	<b>4,488.5</b>	<b>3,411.2</b>	<b>76.0</b>

Sumber: Penyata Laporan Bulanan LSS Dan LGG

- ii. Semakan Audit mendapati pengeluaran BTS LLSB secara keseluruhannya adalah sangat baik. Jumlah BTS yang dikeluarkan adalah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 101.8% pada tahun 2012 dan 166.4% pada tahun 2013.

Bagaimanapun pada tahun 2014, pengeluaran BTS adalah kurang memuaskan kerana purata BTS yang dikeluarkan adalah hanya 76%.

- iii. Analisis Audit terhadap purata pengeluaran BTS mengikut ladang mendapati purata sehektar pengeluaran BTS di LLSB adalah lebih rendah daripada purata pengeluaran negara kecuali bagi LGG pada tahun 2013. Mengikut maklumat Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB), purata sehektar pengeluaran BTS kawasan matang bagi Semenanjung Malaysia untuk tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah masing-masing sebanyak 18.89 tan metrik, 19.02 tan metrik dan 18.63 tan metrik sehektar setiap tahun. Purata tersebut lebih tinggi daripada purata sehektar pengeluaran BTS LLSB pada tahun 2012 dan 2014 iaitu masing-masing sebanyak 10.03 tan metrik dan 6.54 tan metrik sehektar. Kedudukan perbandingan antara purata pengeluaran BTS LLSB dengan purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**  
**Purata Pengeluaran BTS LLSB Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Butiran	Tahun/Tan Metrik Sehektar		
	2012	2013	2014
Purata Pengeluaran BTS LLSB	10.03	22.49	6.54
Purata Pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia Oleh MPOB	18.89	19.02	18.63
<b>Perbandingan Purata Pengeluaran BTS LLSB Dengan MPOB</b>	<b>-8.86</b>	<b>3.48</b>	<b>-12.09</b>

Sumber: LLSB Dan MPOB

- iv. Faktor utama yang menyumbang BTS tidak mencapai sasaran dan purata pengeluaran BTS lebih rendah berbanding statistik yang dikeluarkan oleh MPOB adalah kerana program penanaman semula pokok kelapa sawit. Program ini telah dibuat secara berperingkat mulai tahun 2011 melibatkan kawasan seluas 614 hektar di LSS dan 665.2 hektar di LGG. Pada tahun 2014, hanya seluas 113 hektar kawasan yang mengeluarkan buah kelapa sawit matang manakala seluas 284.8 hektar kawasan mengeluarkan buah kelapa sawit muda yang baru dituai pada tahun pertama. Mengikut rekod MPOB, purata pengeluaran BTS untuk tahun tuaian pertama adalah 2.470 metrik tan sehektar setahun. Selain itu, kerja-kerja membaja bagi pokok-pokok yang terlibat dengan program ini telah dihentikan selama 2 tahun sebelum pokok tersebut ditebang. Faktor cuaca yang tidak menentu dan serangan makhluk perosak juga menyumbang kepada BTS tidak mencapai sasaran. Ini menyebabkan prestasi keuntungan selepas pengagihan di kedua-dua ladang semakin menurun. Pada tahun 2012, jumlah keuntungan yang dicatatkan oleh kedua-dua ladang adalah sejumlah RM1.56 juta manakala pada tahun 2013 dan 2014 ladang-ladang tersebut telah mencatatkan kerugian sejumlah RM4.43 juta dan RM5.87 juta.

v. Mengikut maklum balas LLSB bertarikh 29 April 2015, punca pengeluaran BTS tidak mencapai sasaran dan purata pengeluaran BTS lebih rendah berbanding statistik yang dikeluarkan oleh MPOB pada tahun 2012 kerana sebahagian tanaman matang mengalami serangan *bagworm*, program penanaman semula dan program baja dihentikan selama 2 tahun mulai tahun 2010. Bagi tahun 2014, pengeluaran BTS tidak mencapai sasaran disebabkan oleh hanya 34% kawasan tanaman semula tahun 2011 mencapai umur 36 bulan pada Jun 2014 dan meningkat kepada 58% pada bulan Julai 2014. Baki 42% adalah masih berada dalam kategori pra-matang di mana pembesaran pokok tidak sekata. Ini termasuk kerja-kerja penyulaman menggunakan anak pokok sedia ada berumur 12 bulan ke atas. Bagaimanapun, mulai bulan November 2014, berlaku pertambahan hasil dengan purata peningkatan 30% dan dianggarkan pada bulan Julai 2015, kawasan ini akan mencapai 100% matang.

b. Purata Kadar Perahan Minyak Sawit/*Oil Extraction Rate* (OER) Di Bawah Purata Negara

- i. Kadar perahan minyak sawit yang baik adalah bermula daripada pemilihan biji benih sawit yang ditanam dan pengurusan operasi seperti pembajaan dan menjagaan pokok kelapa sawit yang sempurna. Selain itu, faktor kematangan pokok kelapa sawit, buah yang cukup masak dan masih baru serta tidak terdedah kepada cuaca panas akan menghasilkan OER yang lebih tinggi. Selepas proses penuaian, buah kelapa sawit tersebut perlu dihantar ke kilang bagi mengelakkan buah menjadi kering dan akan menurunkan OER.
- ii. Semakan Audit mendapati pada tahun 2012 hingga 2014 sejumlah RM7.61 juta daripada RM8.38 juta atau 90.81% merupakan hasil jualan buah kelapa sawit yang dikeluarkan daripada kedua-dua ladang telah dihantar ke Kilang Kelapa Sawit Kg. Gajah. Kilang ini adalah milik penuh Perak Agro Mill Sdn. Bhd. yang merupakan 100% milik kumpulan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP). Kadar OER telah ditetapkan berdasarkan prestasi keseluruhan OER yang dihantar ke kilang tersebut dengan kelulusan daripada Pengarah Eksekutif kumpulan PPPNP. Pada tahun 2012 dan 2013, kadar OER yang ditetapkan adalah sebanyak 19.30%. Manakala kadar OER pada tahun 2014 ditetapkan pada kadar 19.35% bagi semua pokok yang ditanam sebelum tahun 2011 dan 8% kadar OER ditetapkan kepada pokok yang ditanam mulai tahun 2011. Maklumat mengenai purata kadar OER yang dikenakan kepada LLSB pada tahun 2012 hingga 2014 berbanding kadar OER Negeri Perak dan Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB adalah seperti di **Jadual 4.5.**

**Jadual 4.5**  
**Purata Kadar Perahan Minyak Sawit (OER) LLSB Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

<b>Bil.</b>	<b>Ladang</b>	<b>Kadar Perahan Minyak (%)</b>		
		<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>
1.	LSS	19.30	19.30	13.68
2.	LGG	19.30	19.30	13.68
	<b>Purata OER</b>	<b>19.30</b>	<b>19.30</b>	<b>13.68</b>
	<b>Purata OER Negeri Perak Oleh MPOB</b>	<b>19.61</b>	<b>19.53</b>	<b>19.68</b>
	<b>Purata OER Semenanjung Malaysia Oleh MPOB</b>	<b>19.98</b>	<b>19.86</b>	<b>20.19</b>

Sumber: LLSB Dan MPOB

- iii. Daripada **Jadual 4.5** tersebut menunjukkan purata OER bagi ladang-ladang LLSB untuk tahun 2012 hingga 2014 adalah rendah sedikit berbanding purata OER bagi Negeri Perak dan Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB. Antara faktor yang menyebabkan kadar OER LLSB rendah pada tahun 2014 kerana hanya seluas 113 hektar kawasan ladang kelapa sawit ditanam pada tahun 2000 dan diberikan kadar OER 19.35%. Manakala pokok yang ditanam pada tahun 2011 yang mengeluarkan hasil adalah seluas 284.8 hektar dan diberikan kadar OER sebanyak 8%. Oleh itu, kadar purata OER pada tahun 2014 melibatkan kedua-dua kawasan tersebut adalah hanya 13.68%.

#### **4.4.2.2. Program Tanaman Semula Kelapa Sawit**

Program tanaman semula di LSS dan LGG telah ditetapkan pada pertengahan bulan Jun 2010 melibatkan pokok kelapa sawit yang berumur lebih daripada 25 tahun. Kawasan yang terlibat adalah pokok kelapa sawit yang telah ditanam antara tahun 1982 hingga 1984.

##### **a. Program Tanaman Semula Di LSS**

Program ini telah dimulakan pada bulan Disember 2010 yang melibatkan kawasan seluas 614 hektar daripada 626.8 hektar keseluruhan kawasan di LSS terlibat dengan program ini. Penanaman semula dijalankan secara berperingkat dan dibahagikan kepada Fasa I Tahun 2011, Fasa II Tahun 2012 dan Fasa III Tahun 2013. Secara keseluruhannya, program penanaman semula di LSS adalah memuaskan kerana 504 hektar iaitu 82.1% telah ditanam semula dengan pokok kelapa sawit. Semakan Audit mendapati Fasa I telah siap ditanam sepenuhnya. Bagaimanapun kelewatan berlaku di Fasa II dan Fasa III. Butiran selanjutnya adalah seperti berikut:

- i. Kerja-kerja penanaman semula di Fasa II yang melibatkan kawasan seluas 145 hektar sepatut disiapkan pada bulan November 2012 tetapi hanya disiapkan pada bulan Mei 2013. Ini menyebabkan kerja penanaman semula lewat disiapkan selama 6 bulan berpunca daripada kegagalan pihak kontraktor untuk menambah bilangan jentera excavator. Pihak LLSB telah mengeluarkan 2 surat

peringatan kepada kontraktor untuk menjalankan kerja mengikut Jadual Kerja Penanaman Semula. **Gambar 4.1** menunjukkan kawasan penanaman semula kelapa sawit yang berumur antara 24 hingga 27 bulan di Fasa II Tahun 2012 di LSS.



**Gambar 4.1  
Kawasan Penanaman Semula  
Fasa II Tahun 2012**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LSS, Tapah  
Tarikh: 4 Februari 2015


- ii. Mengikut maklum balas LLSB bertarikh 29 April 2015, kelewatan ini berlaku disebabkan oleh jumlah *excavator* yang tidak mencukupi daripada pihak kontraktor. Pihak ladang telah mengambil tindakan dengan menghantar 2 surat peringatan kepada kontraktor. Kerja-kerja tanaman semula siap sepenuhnya pada bulan Mei 2013.
- iii. Mengikut perancangan, kerja penanaman semula di Fasa III melibatkan kawasan seluas 296 hektar patut disiapkan pada bulan Disember 2013. Lawatan Audit mendapati 186 hektar iaitu 62.8% telah ditanam semula. Bagaimanapun baki seluas 110 hektar atau 37.2% masih terbiar. Pada 4 Februari 2015 pihak Audit mendapati kerja-kerja membaris, melubang serta menanam anak benih pokok kelapa sawit sedang dijalankan. **Gambar 4.2** hingga **Gambar 4.4** menunjukkan kawasan penanaman semula kelapa sawit di Fasa III.



**Gambar 4.2  
Kawasan Yang Telah Ditanam Semula**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fasa III, LSS, Tapah  
Tarikh: 4 Februari 2015

**Gambar 4.3**  
**Pelan Lokasi Kawasan Yang Belum Ditanam Semula**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fasa III, LSS, Tapah  
Tarikh: 4 Februari 2015

**Gambar 4.4**  
**Kawasan Yang Belum Ditanam Semula Penanaman Semula**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Fasa III, LSS, Tapah  
Tarikh: 4 Februari 2015

iv. Di antara punca berlakunya kelewatan proses penanaman semula bagi Fasa III Tahun 2013 adalah seperti berikut:

- Penarikan diri kontraktor pertama untuk kerja mengeluarkan batang pokok kelapa sawit secara percuma pada bulan Julai 2013 telah menyebabkan kerja-kerja tergendala berikutan kontraktor mengalami masalah kewangan untuk meneruskan kerja tersebut.
- Penyambungan kerja pembersihan melibatkan kawasan seluas 241.52 hektar telah ditawarkan kepada kontraktor baru pada bulan September 2013. Kerja tersebut perlu disiapkan pada bulan November 2013. Bagaimanapun, kontraktor hanya menyiapkan kerja pembersihan pada bulan Mac 2014 walaupun PPPNP telah meluluskan lanjutan masa sehingga bulan Disember 2013.
- Kegagalan kontraktor menjalankan kerja mengikut jadual telah menyebabkan kerja kontraktor yang lain turut terjejas. Dalam program ini seramai 6 kontraktor telah dilantik bagi menjalankan kerja terlibat.
- Proses penanaman melibatkan kerja membaris, melubang dan menanam telah dimulakan pada bulan Mac 2014 oleh 2 kontraktor. Bagaimanapun kontraktor tidak dapat menjalankan proses ini disebabkan oleh kadar hujan yang rendah pada bulan Jun dan Julai 2014 dan kerja hanya disambung semula pada bulan Ogos 2014.

v. **Mengikut maklum balas LLSB bertarikh 29 April 2015, sehingga April 2015 kawasan yang belum bertanam hanya berbaki 28%. Dua surat peringatan telah dikeluarkan kepada kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja melubang dan menanam. Pihak LLSB meletakkan sasaran kerja tanaman**

semula tahun 2013 akan disiap sepenuhnya pada bulan Jun 2015 serta mengambil inisiatif bagi memantau tarikh siap kerja untuk memudahkan kelancaran pengeluaran hasil kelak.

### b. Program Tanaman Semula Di LGG

Program ini telah dimulakan pada tahun 2010 yang melibatkan kawasan seluas 665.2 hektar secara berperingkat yang dibahagikan kepada Fasa I Tahun 2011, Fasa II Tahun 2013 dan Fasa III Tahun 2014. Secara keseluruhannya, program tanaman semula di LGG adalah baik kerana 429.8 hektar atau 64.6% daripada keseluruhan kawasan yang terlibat telah siap dalam tempoh yang ditetapkan manakala baki 235.4 hektar atau 35.4% siap tetapi lewat sebulan dari tarikh yang sepatutnya. Kelewatan ini disebabkan oleh kontraktor menghadapi masalah kekurangan pekerja dan jentera excavator kerapkali rosak.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Program Tanaman Semula adalah memuaskan di LSS dan LGG kerana seluas 504 hektar atau 82.1% daripada 614 hektar di LSS dan keseluruhan 665.2 hektar di LGG berjaya ditanam semula walaupun berlaku kelewatan untuk Fasa II dan Fasa III di LSS dan Fasa II di LGG.

#### 4.4.2.3. Kerja-kerja Membaja Dan Meracun

- a. Prosedur Penyelenggaraan Kawasan Kelapa Sawit Muda menetapkan jadual pembajaan bagi pokok kelapa sawit muda hendaklah merujuk kepada jadual pembajaan yang telah ditetapkan iaitu melibatkan pokok yang berusia sebulan hingga 36 bulan. Jenis dan kadar baja yang digunakan adalah mengikut jenis tanah. Prosedur Penyelenggaraan Kawasan Kelapa Sawit Matang pula menggariskan kerja membaja, jadual membaja, jenis baja, kadar dan masa membaja adalah berdasarkan kepada syor yang dibuat oleh Agronomis yang dilantik iaitu syarikat Sime Darby Seeds & Agricultural Services Sdn. Bhd. mulai umur pokok 36 bulan.
- b. Semakan Audit mendapati kerja-kerja membaja di LSS bagi tahun 2013 dan 2014 telah dilaksanakan lewat dari bulan yang dirancang iaitu antara 1 hingga 7 bulan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.6**  
**Tempoh Kelewatan Kerja Membaja Di Ladang Sg. Selinsing**  
**Bagi Tahun 2013 Dan 2014**

Blok Tanaman	Tempoh Kelewatan (Bulan)	
	Tahun 2013	Tahun 2014
11A - 11 C	1 - 4	1- 4
12 A - 12C	1 - 5	1- 3
13 A - 13 C	Dalam proses penanaman semula	7
13B - 13 C	Dalam proses penanaman semula	Tiada dijalankan pembajaan mengikut yang dirancang

Sumber: Jadual Program Membaja

- c. Sementara di LGG kerja-kerja membaja bagi tahun 2012 hingga 2014 telah dilaksanakan lewat daripada bulan yang dirancang iaitu antara 1 hingga 6 bulan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Kelewatan Kerja Membaja Di Ladang Gelong Gajah**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Blok Tanaman	Tempoh Kelewatan (Bulan)		
	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014
20A – 20B	2 – 5	1 – 2	1
11A – 11E	2 – 6	2 – 4	1 – 5
13 A – 13 B	TB	1	1 – 4

Sumber: Jadual Program Membaja

Nota: TB- Tidak Berkenaan

- d. Bagi kerja meracun pula, berlaku kelewatan kerja meracun di LSS antara 1 hingga 2 bulan pada tahun 2013 dan tahun 2014. Sementara di LGG kerja-kerja meracun pada tahun 2012 hingga 2014 telah dilakukan mengikut jadual.
- e. **Mengikut maklum balas LLSB bertarikh 29 April 2015, kelewatan kerja membaja dan meracun adalah disebabkan kelewatan penghantaran stok baja oleh pembekal, kekurangan jentera dan tenaga kerja serta tambahan kerja untuk mengangkut air di pam air untuk kawasan yang tiada sumber air. Kerja-kerja meracun hanya dapat dilakukan secara manual sahaja disebabkan pokok sawit masih kecil. Pihak ladang bercadang untuk menawarkan kerja-kerja meracun di kawasan tanaman semula tahun 2013 kepada kontraktor bagi menampung kekurangan pekerja ladang.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya program pembajaan dan meracun adalah kurang memuaskan kerana kerja-kerja meracun lewat dijalankan daripada jadual.

#### 4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada aktiviti mentadbir dan mengawal syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utama memastikan kepentingan *stakeholders*. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat LLSB mendapati perkara berikut:

##### 4.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Merujuk Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah digalakkan kerap bermesyuarat dan segala isu yang dibincangkan direkodkan dengan lengkap supaya ia boleh dirujuk semula bagi memahami keputusan yang telah diambil. Seksyen 156 dan

157 Akta Syarikat menyatakan semua minit mesyuarat perlu disimpan oleh syarikat di Pejabat Pendaftar, ditandatangani dan dibukukan bagi tujuan pemeriksaan. Semakan Audit mendapati, Lembaga Pengarah LLSB bermesyuarat sekali sahaja pada tahun 2012 dan tiada mesyuarat diadakan pada tahun 2013 sehingga Mac 2015.

**4.4.3.2. Mengikut maklum balas LLSB bertarikh 29 April 2015, selepas penstrukturran semula Kumpulan PPPNP, semua laporan kewangan dan pengurusan syarikat dibentangkan dan diluluskan di peringkat Kumpulan PPPNP. Anak syarikat Kumpulan PPPNP akan menyediakan Resolusi Pekeliling untuk memberi makluman dan mendapat persetujuan Lembaga Pengarah Syarikat masing-masing.**

#### **4.4.4. Unit Audit Dalam Dan Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit penting untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan bagi menjaga kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama. Semakan Audit mendapati LLSB tidak menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) dan Jawatankuasa Audit kerana ia telah ditubuhkan di peringkat Kumpulan PPPNP. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sebanyak 4 pengauditan telah dilaksanakan oleh UAD di LLSB. Antara pengauditan yang telah dijalankan adalah verifikasi dan syor pelupusan aset, tindakan untuk pelabelan aset, pengurusan stor dan kawalan hasil ladang di kedua-dua ladang berkaitan.

#### **4.4.5. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja – *Standard Operating Procedure (SOP)***

Garis panduan dan prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepatkan operasi juga mempertingkatkan produktiviti syarikat. Garis panduan dan prosedur yang disediakan perlu lengkap dan kemas kini kerana ia merupakan dokumen yang menerangkan secara jelas mengenai operasi, kawalan dalaman, peraturan dan hubungan kerja antara pegawai dan bahagian. Semakan Audit mendapati LLSB menggunakan pakai SOP yang disediakan oleh Kumpulan PPPNP bagi pengurusan kewangan, pengurusan perolehan dan kontrak, pengurusan stor dan stok di ladang-ladang, pengurusan harta tetap di ladang-ladang serta prosedur perladangan.

#### **4.4.6. Rancangan Korporat**

Syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan Korporat penting disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya bagi membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik dan hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati LLSB tidak menyediakan Rancangan Korporat. Bagaimanapun LLSB menggunakan pakai

Rancangan Korporat yang disediakan di peringkat Kumpulan PPPNP bagi tempoh 2014 hingga 2018.

#### **4.4.7. Key Performance Indicator (KPI)**

Mengikut *Intensifying Performance Management*, Buku Biru Versi 2, syarikat Kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat. *Key Performance Indicator* yang disediakan perlulah berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya dan KPI bagi seksyen/unit perniagaan. KPI yang baik adalah boleh dicapai, membuat perbandingan dengan *benchmark* yang bersesuaian, mengandungi jangkaan, halangan dan situasi terhadap pencapaian KPI, mengambil kira rancangan jangka pendek dan sederhana serta indikator operasi dan kewangan. *Key Performance Indicator* hendaklah disampaikan kepada semua peringkat daripada kakitangan sehingga Ahli Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati LLSB tidak menyediakan KPI sebaliknya menggunakan pakai KPI yang disediakan di peringkat Kumpulan PPPNP.

#### **4.4.8. Pengurusan Risiko**

Setiap aktiviti perniagaan terdedah kepada pelbagai risiko kewangan dan pengurusan termasuk risiko kredit, kadar faedah, pasaran, kecairan dan aliran tunai. Objektif pengurusan risiko adalah untuk mengenal pasti, menilai, mengimbang dan mengawal risiko yang terdedah kepada LLSB. Kaedah atau tindakan hendaklah dikenal pasti bagi mengurangkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan atau keuntungan LLSB. Pihak pengurusan sesebuah syarikat adalah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut secara lebih teratur dengan menyediakan polisi serta prosedur bagi menguruskannya. Semakan Audit mendapati pengurusan risiko yang digunakan oleh LLSB merujuk kepada *SOP* yang diguna pakai oleh Kumpulan PPPNP. Polisi berkaitan pengurusan kewangan yang diamalkan oleh LLSB adalah risiko mata wang, kadar faedah, pasaran, kredit, aliran tunai dan kecairan. Manakala risiko pengurusan ladang pula, LLSB merujuk dan menggunakan khidmat nasihat *Agronomic Report And Fertiliser Recommendations* oleh Sime Darby Seeds And Agricultural Services Sdn. Bhd.. Antara tujuan perkhidmatan adalah untuk menentukan nutrisi kelapa sawit bagi tujuan merangka cadangan baja tahunan bagi ladang berkenaan. Selain itu, LLSB juga merujuk kepada Polisi Dan Manual Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Kumpulan PPPNP yang menggariskan tentang kawalan risiko bagi mengelakkan kemalangan di tempat kerja.

#### **4.4.9. Sijil Corporate Integrity Pledge dan Sijil Integrity Pact**

**4.4.9.1.** *Sijil Corporate Integrity Pledge* ialah ikrar syarikat tidak terlibat dengan sebarang aktiviti rasuah. Ia perlu disediakan dan ditandatangani oleh pihak syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah. Manakala *Sijil Integrity Pact* ialah ikrar di antara pegawai syarikat dan pembida yang terlibat dengan urusan perolehan. Ia perlu disediakan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak untuk tidak terlibat dengan aktiviti rasuah.

Semakan Audit mendapati LLSB ada menyediakan surat ikrar tidak terlibat dengan aktiviti rasuah dalam pengurusan tender dan sebut harga. Bagaimanapun tinjauan Audit di laman web *Corporate Integrity System Malaysia* pada 9 April 2015 mendapati LLSB belum menandatangani *Corporate Integrity Pledge*.

**4.4.9.2. Mengikut maklum balas LLSB bertarikh 29 April 2015, pada 7 Disember 2012 Kumpulan PPPNP telah menandatangani Ikrar Intergriti Korporat bersama SPRM dan sijil tersebut telah diguna pakai oleh Kumpulan PPPNP termasuk LLSB.**

#### **4.4.10. Pembayaran Dividen Oleh Syarikat Induk**

Syarikat kerajaan dikehendaki membayar dividen sebagai pulangan modal kepada kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi daripada yang dijangka, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Semakan Audit mendapati LLSB ada membuat pembayaran dividen kepada PPPNP pada tahun 2011 sejumlah RM2.51 juta iaitu pada kadar 15%. Pada 6 Julai 2012, satu perjanjian penjualan saham LLSB kepada Perak Agro Oil Palm Sdn. Bhd. telah ditandatangani oleh PPPNP. Sehubungan itu, pada tahun 2013 pembayaran dividen sejumlah RM6.68 juta bagi dividen tahun 2012 dan 2013 telah dibuat kepada syarikat induk baru iaitu Perak Agro Oil Palm Sdn. Bhd. masing-masing pada kadar 15%.

#### **4.4.11. Pengurusan Aset**

Ladang Lekir Sdn. Bhd. menggunakan pakai Prosedur Pengurusan Harta Tetap serta Pengurusan Stor Dan Stok Di Ladang-ladang yang merupakan sebahagian daripada SOP kumpulan PPPNP. Semakan Audit terhadap pengurusan aset LLSB mendapati perkara seperti berikut:

**4.4.11.1. Verifikasi aset oleh UAD PPPNP telah dijalankan pada 20 Februari 2014 di LSS dan 24 Februari 2014 di LGG. Di antara penemuannya adalah perbezaan aset fizikal berbanding senarai aset dan aset rosak yang belum dibuat pelupusan. Semakan Audit mendapati, aset dikedua-dua buah ladang telah dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran yang lengkap. Bagaimanapun masih terdapat perbezaan aset fizikal berbanding senarai aset. Semakan selanjutnya mendapati aset telah dipindahkan ke ladang-ladang lain tetapi tidak dikemas kini di dalam senarai aset ladang. Selain itu, pihak Audit mendapati kedua-dua buah ladang sedang mengambil tindakan pelupusan aset-aset yang telah rosak seperti yang disyorkan oleh UAD PPPNP. Lawatan Audit pada 5 Februari 2015 bersama Penolong Pengurus Ladang di LSS dan 11 Februari 2015 bersama Kerani Pentadbiran/Stor di LGG mendapati aset rosak yang disyorkan untuk tindakan pelupusan masih tersimpan seperti di **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6** walaupun telah hampir setahun daripada tarikh pengauditan UAD dijalankan.**

**Gambar 4.5**  
**Alat Pertanian Usang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LSS, Tapah  
Tarikh: 5 Februari 2015

**Gambar 4.6**  
**Perabot Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LGG, Beruas  
Tarikh: 11 Februari 2015

**4.4.11.2.** Lawatan Audit ke rumah buruh dan pekerja LGG mendapati keadaan rumah tersebut dalam keadaan yang baik, manakala di LSS mendapati 10 unit rumah buruh yang dibina pada tahun 1985 sudah terlalu usang untuk didiami dan perlu disenggara. Rumah ini masih didiami oleh pekerja. Bagaimanapun sejumlah RM85,000 telah diperuntukkan dan diluluskan dalam bajet tahun 2015 bagi tujuan penyenggaraan. **Gambar 4.7** dan **Gambar 4.8** adalah berkaitan.

**Gambar 4.7**  
**Keadaan Rumah Pekerja Yang Usang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LSS, Tapah  
Tarikh: 9 Februari 2015

**Gambar 4.8**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LSS, Tapah  
Tarikh: 9 Februari 2015

**4.4.11.3.** Mengikut maklum balas LLSB bertarikh 29 April 2015, pemindahan aset telah dilakukan dengan mengisi borang dan dihantar kepada Pengurus Kewangan Kumpulan, Pengurus Perladangan, Pengurus Audit Dalaman dan Pengurus Pentadbiran. Pihak ladang telah merancang membuat pelupusan aset melalui jualan barang iusuh. Tawaran sebut harga telah dilakukan tetapi hanya 2 pemborong sahaja yang berminat. Ini menyebabkan pelupusan aset tersebut tidak dapat dilakukan dan dirancang untuk kali kedua pada pertengahan tahun 2015 bergantung kepada harga besi buruk bagi memaksimumkan pulangan yang diperolehi. Pihak LLSB juga dalam perancangan untuk membina rumah pekerja

**yang baru bagi mengantikan rumah pekerja yang telah usang. Bajet bagi membina 4 unit rumah telah diluluskan semasa pembentangan bajet tahunan tahun 2015.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat LLSB adalah memuaskan kecuali Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak mengikut ketetapan.

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan objektif penubuhan Ladang Lekir Sdn. Bhd. dapat dicapai sepenuhnya adalah disyorkan pihak pengurusan mempertimbangkan perkara berikut:

**4.5.1.** Memastikan program tanaman semula pokok kelapa sawit di LSS disiapkan mengikut jadual supaya sasaran pengeluaran ditetapkan dapat dicapai.

**4.5.2.** Memastikan kerja-kerja membaja dan meracun mengikut jadual yang disyorkan dan ditetapkan untuk mengelakkan pengeluaran BTS terjejas.





---

# PENUTUP

---



---

## PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara  
Putrajaya**

**7 Mei 2015**